

Siri Diva*
VOGS

ana
MUSLIM
10-14
TAHUN

Hijab Diva



ANASTASIA

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain tanpa izin bertulis daripada Ana Muslim Sdn Bhd. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penulis	: Nur Shamsiah On
Pengurus Penerbitan	: Saadah Taib
Editor Pengurusan	: Mohd Yatim bin Dolir PPN, PPT
Editor	: Nur Eradah Ishak (era.ishak@blue-t.com.my)
Editor Pruf	: Muhammad Nurkhairy Fitri
Ilustrator Kulit	: Munira Hamzah
Ilustrator Dalaman	: Nora Ali, Munira Hamzah
Reka bentuk Kulit	: Tan Peng Peng
Reka bentuk Grafik	: Tan Peng Peng

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Anastasia, 1973-

Hijab diva / Anastasia.

ISBN 978-967-403-242-5

I. Young adult fiction, Malay. I. Judul.

899.2333

Diterbitkan oleh :

Ana Muslim Sdn Bhd

12, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-4106 9119 Faks: 03-4106 6119

Diedarkan oleh :

Ana Muslim Sdn Bhd

Tel: 03-4106 9119 Faks: 03-4106 6119

Dicetak oleh :

Percetakan LPL Sdn. Bhd.

No. 32 & 33, Jalan Villaraya 2/2, Villaraya Industrial Park II,

Batu 23, Jalan Sungai Lalang, 43500 Semenyih, Selangor.

Kandungan

Bab 1
Girly Time! — 1

Bab 2
#Hijab + Diva = #HijabDiva — 19

Bab 3
'like' @ FB — 39

Bab 4
I Love Monday! — 55

Bab 5
Makeover Day! — 69

Bab 6
Vote The Na-Na Gals! — 89

Bab 7
Hal di VFC — 105


Bab 8
Plan Zee — 117

Bab 9
Kerongsang Berlian — 131

Bab 10
#HijabDiva Vogue! — 149



Farah



Like · Comment · Share · 2 hours ago ·

Era Ishak, QLyana Shuhaimi and 28 others like this.

View 8 more comments



Qiy Baqiyah Wow! Cantiknya Farah... I loike!

40 minutes ago · Like · 8



Sanel Shahaneel Farah... U look gorgeous!

45 minutes ago · Like ·



Tyra Aiya Farah... Ajar Tyra plzzz....

46 minutes ago · Like · 5



Yoona Yusrina Cute!

50 minutes ago · Like ·



Yuri Yusriyah Ne! Farah yang vogue!

45 minutes ago · Like ·



Zereena



Like · Comment · Share · 2 hours ago · 

 Phoebe Shu, Saadah Taib and 4 others like this.

 View 4 more comments



RiRi Rihana Zee... u like a diva!

30 minutes ago · Like ·  1



Elle Eilana 2 thumbs up!

34 minutes ago · Like ·



Krinnngggggggg! Loceng sekolah berbunyi menandakan tamat sesi persekolahan mereka pada hari Jumaat itu. Para pelajar Victoress Girls School atau VOGS menghela nafas lega. Akhirnya mereka berjaya menamatkan seminggu sesi persekolahan yang padat dengan kelas, aktiviti, sukan dan spot quizzes! Kepenatan yang dirasakan selama seminggu itu



hilang sepenuhnya! Hari Sabtu dan Ahad bakal tiba. Dua hari untuk cuti dan berehat sudah cukup membuatkan hati masing-masing melonjak gembira. *Rest + Relax = Stress relieve!*

Farah melangkah keluar dari kelas bersama Qiy. Diikuti pula oleh rakan-rakan mereka yang lain iaitu Tyra, Shanel dan pasangan kembar, Yoona dan Yuri.

"Okey, girls... Macam biasa, Smoothtea Café!" ujar Farah.

Smoothtea Café ialah tempat favourite yang pasti dikunjungi oleh mereka berenam pada setiap hari Jumaat selepas tamat waktu sekolah. Waktu khas yang diluangkan oleh mereka untuk duduk bersama sambil bersembang di café itu adalah dari jam 12.30 sehingga jam 1.30 petang. Satu jam yang padat hanya untuk *girly time!*

Smoothtea ialah trend minuman yang baru. Gabungannya unik sekali iaitu *smoothie + tea*. Pelbagai aneka buah-buahan dicampurkan bersama yogurt dan air teh sebelum dikisar bersama ketulan-ketulan ais. Hasilnya, *yummy frozen drink!* Tidak terkata lazatnya!





Selalunya, sambil menikmati segelas besar *ice cool smoothtea*, mereka banyak menghabiskan masa dengan berkongsi gosip yang panas dan terbaru! Selebriti Hollywood yang muda dan bergaya sering menjadi topik hangat mereka.

Tidak cukup dengan itu, diselangi pula dengan info-info terkini tentang artis-artis Korea ehsan daripada Yoona dan Yuri. Dari dunia K-Pop, pelbagai cerita tentang kumpulan penyanyi Korea yang diceritakan. Pasti kumpulan penyanyi lelaki yang menjadi pilihan mereka. Drama Korea yang terbaru juga turut meniti di bibir mereka. Tidak terlepas juga gaya terkini Korea yang menjadi isu mereka hari itu. Semuanya harus *UP TO DATE* dan kelihatan muslimah yang bergaya!

Kisah-kisah menarik yang berlaku di sekitar *VOGS* juga menjadi isu hangat mereka. Ada sahaja yang akan mereka ceritakan. Daripada *guard* sehinggalah ke pengetua *VOGS*. Pada hari ini, mereka semua pasti akan menyediakan pelbagai cerita yang panas!





Qiy, Tyra, Shanel, Yoona dan Yuri teruja mendengar kata-kata Farah untuk ke Smoothtea Café.

"Alamak, hari ini Tyra ada hal sikitlah. Tyra ada perjumpaan kelab. Tapi tak lama. Awak semua pergi dulu. Insya-Allah, sekejap lagi Tyra datang," ujar Tyra seakan berasa serba salah.

"Ha... Ini mesti perjumpaan *fashion club*. Betul tak?" Farah cuba meneka.

"Mestilah... Tyra mana ada masuk kelab lain," jawab Tyra sambil tersengih memandang rakan-rakannya.

"Takkanlah Farah tak kenal dengan si Tyra ni! Dia kan memang penggemar fesyen!" ujar Shanel pula sambil mula bergaya seakan seorang model.

Tidak semena-mena, Shanel bercatwalk di sepanjang koridor di hadapan kelas. Kemudian, dia berpatah balik ke arah rakan-rakannya.

Semua rakan Shanel di situ ketawa geli hati. Shanel memang pakar dalam meniru gaya orang. Sebut sahaja nama, pasti Shanel akan





meniru gaya orang itu dengan sebaik mungkin. Selalunya yang akan menjadi mangsa adalah guru di VOGS!

"Hahaha... Kelakalah awak ni Shanel!" ujar Yoona.

Melihat lagak Shanel yang seakan-akan memerlinya, Tyra berpura-pura merajuk. Dia memukul manja lengan Shanel sambil mengerutkan dahi.

"Oh, you're mean!" kata Tyra lantas berpeluk tubuh.

"Okey, okey... Sorry, Tyra. Janganlah kerut dahi awak yang bersih dan licin tu. Nanti berkedut sebelum waktunya!" usik Shanel lagi.

"Ha! Betul ke?" Tyra kelihatan cemas sebaik sahaja mendengar kata-kata Shanel.

Tanpa mpedulikan rakan-rakan lain yang sedang tersenyum melihatnya, dia terus mencapai *compact mirror* dari beg lalu membelek wajahnya. Takut sekiranya kata-kata Shanel itu menjadi kenyataan!

"Fuhhh!" Tyra menghela nafas lega setelah memastikan wajahnya masih dalam keadaan yang baik.





"Okey, Shanel, saya maafkan awak!" kata Tyra sambil menyimpan semula *compact mirror*nya ke dalam beg.

"Anyway, girls, reserve kan kerusi untuk Tyra, okey! See you there!" kata Tyra sambil melangkah pergi.

Lenggang-lenggoknya yang seperti seorang model membuatkan rakan-rakannya yang berada di situ tersengih. Pasti Tyra sudah banyak berlatih *catwalk*. Kerana itu jalannya juga mengalahkan seorang *supermodel* yang sedang membuat pertunjukkan *fesyen* di pentas.

"Eh, girls! It's *Smoothtea time!*" Farah mengambil perhatian kawan-kawannya.

Semua mengangguk setuju, lalu mereka meneruskan perjalanan ke kedai itu. *Smoothtea Café* berada tidak jauh dari *VOGS*. Kedai itu terletak di antara deretan kedai-kedai yang betul-betul berhadapan dengan sekolah mereka. Sekadar seberang jalan sahaja.

Setibanya mereka di situ, pemilik kedai *Smoothtea Café* yang lebih mesra dipanggil





Kak Erra, menyambut kedatangan Farah dan rakan-rakannya dengan baik.

"Hai, Kak Erra! Apa khabar?" sapa Farah dengan penuh riang.

"Alhamdulillah! Khabarnya sentiasa baik. Hah, Kak Erra dah reserve tempat duduk biasa untuk kamu semua. Tapi, lima orang saja? Mana seorang lagi?" soal Kak Erra yang sudah memegang enam keping menu.

"Owh... Tyra! Sekejap lagi dia sampai. Qiy dahagalah. Qiy nak pesan minuman dululah..." jawab Qiy.

Rakan-rakan Qiy yang lain tersenyum mendengar jawapan Qiy. Kemudian, mereka terus mengambil tempat masing-masing di sebuah meja yang sudah direservekan khas oleh Kak Erra. Sebuah meja besar yang boleh memuatkan enam buah kerusi dan terletak di satu sudut di luar kedai. Farah dan kawan-kawannya lebih suka duduk di luar. Sambil menikmati minuman, mereka boleh mencuci mata!

Cafe itu tidaklah besar. Hanya mampu memuatkan lebih kurang lima buah meja di





luar kedai dan enam buah meja di dalam. Namun, kedai itu sungguh *comfy* dan *cozy*. Dekorasi kedai itu sungguh ringkas. Semuanya berkonsepkan putih dan merah jambu, warna kegemaran semua remaja perempuan.

"Hmm... Mari tengok apa yang Farah nak minum hari ini," kata Farah sambil mengambil menu yang dihulurkan oleh Kak Erra.

Menu yang disediakan *simple* sahaja. Sekadar sekeping brosur yang memuatkan senarai pelbagai jenis minuman serta harganya

Smoothtea Café



Mango Mania

Mangga, pisang, vanila yogurt, teh hijau dan ais.

Strawberry Sensation

Strauberi, epal, strawberi yogurt, teh hijau dan ais.

Berry Berries

Strauberi, raspberi, blueberry yogurt, teh hijau dan ais.

Banana Bing

Pisang, madu, susu, vanila yogurt, teh hijau dan ais.

Raspberry Rap

Raspberi, coklat, susu, raspberi yogurt, teh hijau dan ais.

Pink Passion

Raspberi, strawberi, passion fruit, strawberi yogurt, teh hijau dan ais.

Cookies & Cream

Biskuit Oreo, coklat, susu, vanila yogurt, teh dan ais.

Chocolate Chill

Coklat, susu coklat, vanila yogurt, aiskrim coklat, teh dan ais.





sekali. Farah seakan rambang mata hendak memilih. Kombinasi bahan-bahannya memang menarik, sungguh meliurkan.

Selain daripada itu, beberapa variasi *Fruit Tea* juga disediakan seperti *Mango Tea*, *Peach Tea*, *Apple Green Tea*, *Strawberry Tea*, *Passion Fruit Green Tea* dan banyak lagi. Memang susah hendak membuat pilihan. Rasa seperti hendak pesan kesemuanya!

"Qiy nak *Chocolate Chill!*" ujar Qiy sambil menunjukkan gambar kecil yang terdapat dalam menu itu kepada Kak Erra.

"Owh my dear, Qiy... Menu yang sama juga. Tak mahu cuba yang lain ke?" soal Farah.

"No!" ringkas jawapan Qiy.

"Okey la... Farah pula rasa nak *Pink Passion.*"

"Saya nak *Mango Mania!*" kata Shanel.

"*Berry Berries!*" jawab Yoona dan Yuri serentak.

Apabila menyedari pilihan mereka sama, Yoona dan Yuri ketawa sesama sendiri. Farah, Qiy dan Shanel menggeleng melihat keletah





pasangan kembar itu. Sememangnya, Yoona dan Yuri mempunyai cita rasa yang sama!

Setelah Kak Erra selesai mengambil semua pesanan, dia pun beredar. Kemudian, Tyra muncul di situ. Daripada raut wajahnya, dia benar-benar kelihatan teruja. Senyumannya melebar sehingga ke telinga. Pasti ada sesuatu!

"Hi, girls!" ujar Tyra sambil mengambil tempat duduknya.

"Tyra happy sangat!" ujarnya lagi.

"Hmm, daripada air muka Tyra pun kami boleh agak. Ada berita baik ke?" soal Shanel.

"The best news ever! Nah, ambil ni! Awak semua dijemput untuk memberi sokongan kepada saya!" Tyra menghulurkan lima keping kertas kepada kawan-kawannya. Mereka semua membaca apa yang tertera di atas kertas itu...



The Vogue Fashion Club (VFC)

MEMJEMPUT ANDA UNTUK MENGHADIRI PERTUNJUKAN FESYEN.

'Malam Hijab Vogue'

MEMPERAGAKAN FESYEN HIJAB HASIL PEREKA-PEREKA MUDA
YANG BERBAKAT DARI VFC!

TEMPAT : DEWAN SERI TIARA DELIMA

HARI : AHAD 9HB SEPTEMBER

MASA : 8.30 PM - 11.30 PM





"Awesome! Tapi, siapa pereka-pereka muda yang dimaksudkan tu?" soal Farah selepas dia membaca kertas di tangannya itu.

"Pelajar-pelajar senior VOGS dan juga ahli-ahli senior *fashion club*... *No less!* Mereka tu benar-benar berbakat tau! Macam pereka fesyen profesional!" jelas Tyra bersungguh-sungguh.

"Oh, really? Hmm... Mungkin saya harus menyertai kelab inilah. Bolehlah saya jadi pereka fesyen terkenal nanti," ujar Shanel.

Qiy menyengol lengan Farah sambil tersenyum sinis memandang Shanel.

"Tapi kalau saya sudah menjadi *fashion designer* yang terkenal, saya akan jual baju-baju dan aksesori rekaan saya dengan harga yang murah. Tak perlulah mahal sangat. *Affordable for all!*" tambah Shanel lagi.

"Oh, *sinnaneun. How exciting!*" balas Yuri.

"Kalau begitu, kami akan jadi peminat setia *brand* awak, Shanel!" tambah Yuri pula.





"Ne! Ya, betul tu! Rekaan awak tu perlulah ada riben sana-sini, berbunga-bunga, berwarna-warni dan beropol-ropol. Semuanya stail *happy go lucky!* Barulah gwiyeoun! *Cute!*"

"*Excuse me, twins... Saya ni bukannya nak reka pakaian untuk muzik video kumpulan K-Pop. Rekaan saya pastinya akan lebih sophisticated. Classy, glamorous dan elegant! Paling penting menutup aurat!*" kata Shanel dengan penuh bergaya.

"Ehem," Tyra pura-pura berdehem untuk meminta perhatian daripada kawan-kawannya.

"Okey, sekarang boleh tak kita tinggalkan angan-angan Shanel tu dulu dan fokus kepada saya semula?" soal Tyra.

"Oops... Joesonghabnida! Minta maaf!" kata Yuna dan Yoori.

"Hehehe... *Sorry, Tyra,*" Shanel kelihatan serba salah.

"*Back to Malam Hijab Vogue! Jadi, apa yang awak semua fikirkan? Hebat bukan?*"

"Memanglah hebat, Tyra. Tapi apa kenamengena majlis ni dengan awak? Bukankah





majlis ini hanya untuk pereka-pereka senior sahaja?" soal Farah.

"Hah, inilah yang Tyra nak beritahu dari tadi," ujar Tyra yang kembali kelihatan gembira.

Kemudian, Kak Erra datang ke meja mereka sambil membawa lima aneka minuman yang dipesan oleh Farah, Qiy, Shanel, Yoona dan Yuri.

"Nah, ini minuman-minuman kamu," katanya sambil meletakkan satu-persatu minuman itu di atas meja.

"Pink Passion, Chocolate Chill, two Berry Berries and Mango Mania! Eh, Tyra pula nak minum apa?" soal Kak Erra sambil memandangi Tyra.

"Tyra kena jaga badan ni... So, nothing fattening, please! Tyra cuma nak minum Peach Tea sajalah, Kak Erra! Less sugar!" jawab Tyra.

"One Peach Tea kurang manis! Coming right up!" kata Kak Erra lalu pergi dari situ.

"Jaga badan? Eh, kenapa tiba-tiba saja ni? Tyra, you are not fat, okay!" ujar Farah, kehairanan.





"Tyra bukannya nak kurus sangat pun. Cuma..." kata-kata Tyra terhenti sebaik sahaja Qiy bersuara dengan sungguh lantang.

"Alhamdulillah, sedapnya Chocolate Chill ni! Hilang dahaga Qiy. Memang chill!" celah Qiy.

"Masitneun! Sedaplah!" Yuri dan Yoona turut komen tentang minuman mereka.

"Mango Mania ni pun sedap! Terasa kemanisan buah mangganya!" kata Shanel pula.

Melihat reaksi kawan-kawannya itu, Tyra mengeluh. Hai, memang hiperaktif! Ketika itu juga Farah terpandang wajah Tyra yang sudah kelihatan monyok.

"Girls! Mari kita dengar apa yang kawan kita nak cakapkan ni. Tyra, please go on," ujar Farah.

Tyra memberikan senyuman sebagai tanda terima kasih kepada Farah sebelum meneruskan penjelasannya.

"Actually, Tyra antara yang terpilih untuk memperagakan pakaian-pakaian itu nanti!" kata Tyra sambil mengulum senyum lebar.





"Maksud Tyra, sebagai model?" soal Farah lagi untuk kepastian.

"Exactly! On the runway!" jawab Tyra dengan perasaan sungguh gembira.

"Wah, seronoknya! Tyra, saya gembira untuk awak!" ujar Shanel sambil memeluk Tyra.

"Ya, kami pun! Kippeun. Happy!" Yoona dan Yuri pula cakap serentak.

"Alhamdulillah... Tahniah, Tyra. Satu permulaan yang bagus tu. Manalah tahu awak jadi top model lepas ni!"

"Thank you, girls!" Tyra rasa terharu dengan sokongan dan kata-kata semangat daripada rakan-rakannya.

"Tapi bukan itu saja. Majlis tu pun nanti akan dihadiri oleh pereka-pereka fesyen terkemuka tanah air!" kata Tyra dengan penuh bersemangat.

"Really? Siapa?" soal Farah yang mula kelihatan teruja.

"Semua pereka fesyen yang top. Selalunya mereka akan buat rekaan baju artis-artis terkemuka dan VVIP, okey! Rizal Berahim





dan Rizuan Radzi!" ujar Tyra untuk membuat rakan-rakannya semakin teruja.

"Ahhhhhhhh!!!" jerit kawan-kawannya serentak.

Buat seketika, café itu riuh-rendah dengan pekikan gadis-gadis remaja itu. Rizal Berahim dan Rizuan Radzi memang sangat berbakat dalam bidang rekaan fesyen. Masing-masing sudah berpengalaman dalam industri fesyen. Bukan itu sahaja, malah mereka berdua selalu menjadi rebutan *A-List Celebrities!*

"Oppsss, ada lagi surprise tau! Rancangan televisyen *Miss Trendz* dan *Majalah Teen-in Vogue* juga akan membuat liputan malam itu!"

"Ahhhhhhhh!!!" jerit mereka sekali lagi apabila mendengar rancangan dan majalah kegemaran mereka disebut oleh Tyra.

Kak Erra muncul sambil membawa minuman Tyra. Mendengar keriuhan pelanggan-pelanggannya itu, dia menggeleng sambil tersenyum. Remaja zaman sekarang...

"Thanks, Kak Erra!" ujar Tyra dengan gembira sambil mengambil minumannya.





"Okey, jemput minum semua," kata Tyra sambil memandang ke arah rakan-rakannya.

Mereka semua menyedut minuman itu untuk melegakan tekak yang kehausan dan kering akibat puas menjerit tadi. Kebetulan, juga *The Na-Na Gals* melalui di hadapan café itu. Apabila melihat mereka berenam duduk berehat di café itu, Zereena ketawa sinis.

"*What, tea? Oh, please! Riri... Elle, mari kita ke tempat biasa. Mocha Chocca Vanilla and Caramel Frappuccino with extra whipped cream! Zee belanja, okey?*" ujar Zereena.


"*Allright!*" jawab Rihana dan Eilana lalu mereka bertiga berlalu dari situ.

Memang itu hobi *The Na-Na Gals*. Suka sangat merendahkan orang lain dan tidak boleh melihat Farah dan rakan-rakannya dalam keadaan gembira. Pasti dia berasa panas panggung! Bagi Zereena, jika dia tidak rasa gembira, bererti Farah dan kawan-kawannya jugak tidak boleh bergembira. Jika tidak, pasti ada rancangan jahat yang akan dirancangnya bersama Rihana dan Eilana.





Farah dan kawan-kawannya mengambil keputusan untuk tidak mengendahkan mereka bertiga. Lagipun mereka ada topik yang lebih menarik untuk dibincangkan. Malah lebih hot daripada *The Na-Na Gals! Malam Hijab Vogue!*





Hari Sabtu. Pukul 10.30 pagi.

Farah sedang duduk bersama Qiy di biliknya. Buku-buku sekolah milik mereka berdua memenuhi meja yang berwarna fuschia pink itu. Beginilah rutin mereka berdua pada setiap hari Sabtu. Homework yang bertimbun menjadi seronok dan laju dibereskan jika punya teman untuk membuatnya bersama-sama! Sambil itu



sesi membuat *homework* mereka akan diselangi dengan berborak kosong dan usik-mengusik antara satu sama lain.

Telefon pintarnya disambungkan kepada *loud speaker* untuk menemani Farah dan Qiy. *Favourite radio station?* Haruslah yang memainkan lagu-lagu hits terkini! Jika ada lagu yang *best*, mereka berdua pasti akan berdiri secara spontan lalu berlagak ala-ala *superstar* yang berada di atas pentas. Apabila sudah habis, mereka duduk dan menyambung semula kerja sekolah mereka. *Homework is so much fun!*

Tetapi, pada hari ini kelakuan Farah kelihatan lain sedikit. Fikirannya tidak tertumpu kepada kerja sekolah. Dia lebih banyak mengelamun daripada membuat kerjanya. Buku latihan Matematik dibiarkan terbuka di hadapannya. Jika dijenguk, baru tiga soalan daripada topik algebra telah diselesaikan. Kini, Farah hanya menggigit belakang batang pen sambil bermenung jauh.

Tingkah lakunya berbeza daripada Qiy. Kawannya itu masih tekun menyiapkan semua





homework yang ada. Qiy tidak suka melambatkan kerja. Lagi cepat, lagi bagus! Lagipun, reward sedang menunggu!

Daripada tadi, mata Qiy asyik menjeling ke arah dua bungkus coklat di atas meja itu. Hari ini adalah hari *white chocolates*. Setiap minggu ada sahaja coklat yang berbeza-beza. Ada minggu *dark chocolates* dan juga minggu jenama-jenama coklat kegemaran mereka. Idea ini timbul daripada Farah sendiri. Coklat-coklat itu sengaja diletakkan di situ sebagai pendorong untuk mereka menyiapkan *homework*. Syaratnya, tiada sesiapa pun boleh menyentuh coklat-coklat itu sehinggalah masing-masing telah menyelesaikan *homework* mereka sepenuhnya. Setelah itu, barulah coklat itu akan diraikan bersama sebagai habuan. Memang idea yang bernas!

Qiy menjilat bibirnya. *White chocolate* memang antara coklat kegemarannya! Tidak sabar rasanya hendak menggigit coklat susu yang dipenuhi dengan kacang, karamel dan nougat itu. Wah, sudah terliur dibuatnya.





"Sabar, Qiy, sabar," Qiy memujuk hatinya.

"Lagi satu muka surat sahaja. Lepas tu homework pun selesai! Tugas seterusnya pula, membuka bungkusan coklat!" kata-kata semangat Qiy untuk dirinya sendiri.

Saat itu, dia terpancang ke arah Farah. Melihat kawannya yang sedang termenung jauh, hatinya sedikit hampa. Apabila menyedari kerja rumah kawannya baru separuh sahaja siap, dia terus kecewa! Jika Farah lambat begini, alamatnya lambatlah dia hendak merasai keenakan coklat itu! Oh, no!

"Hello, Farah! Wake up, please!" Qiy memetik-metik jarinya di hadapan wajah Farah.

Farah terkejut. Dia melihat hujung batang penya yang sudah sedikit kemek dan dipenuhi dengan tanda-tanda gigitan. Oops! Dia memandang ke arah Qiy sambil tersengih.

"Ehem, Miss Farah... Di manalah agaknya awak dah sampai ya? Paris... London... Rome?" soal Qiy seakan memerli rakannya itu.





"*New York! Fashion week!*" jawab Farah sambil tersengih.

Mendengar jawapan daripada Farah, Qiy terus memukul lengan rakannya itu. Orang sindir, dia makin berseloroh pula!

"Farah, *I'm serious, okay?*" ujarinya.

"Cepatlah siapkan *homework* tu. Coklat kita tu dah lama menunggu. Nanti, jangan terkejut kalau Qiy habiskan kedua-duanya sekali!" marah Qiy.

"*Sorry, Qiy! Tapi memang Farah tengah fikirkan tentang fesyen!*" jawab Farah sebaik sahaja melihat wajah Qiy yang sudah kelihatan sedikit tegang.

"Fesyen? Kenapa pula tiba-tiba fikir tentang fesyen?" soal Qiy yang pelik.

Farah bangkit lalu menuju ke arah meja soleknya. Di situ, dia mencapai sekeping kertas yang telah diselitkan pada cermin. Kemudian, dia terus membawa kertas itu ke meja belajarnya.

"Sebab inilah!" Farah menyukan kertas itu kepada Qiy.





"Eh, ini jemputan ke majlis Malam Hijab Vogue," kata Qiy sambil membelek kertas itu.

"Tyra yang berikannya kepada kita semalam, bukan?" ujar Qiy lagi.

"Yes! Sejak Tyra berikan jemputan ini, Farah sudah semakin tertarik dengan fesyen berhijab ni! *Especialy* pemakaian tudung kepala yang sungguh *fashionable!*"

Lantas, Farah menuju ke arah katilnya lalu menarik selimutnya yang tebal. Dia menyelubungi kepalanya dengan selimut itu, seakan tudung. Setelah itu, dia berjalan ala-ala *catwalk* di sekeliling bilik. Kebetulan, muzik rancak yang dimainkan di radio seakan-akan mengiringinya.

Qiy hanya memerhatikan kawannya yang sedang berangan. Melihat selimut di atas kepala Farah, membuatnya ketawa geli hati. Labuh dan meleret-leret panjangnya! Tebal pula tu. Hampir sahaja Farah tersandung dibuatnya.

"Farah. *I don't think that's very fashionable!* Panjang sangatlah!" ujar Qiy.





"Hmmm, iyalah... Kalau begitu, kita cari fesyen memakai hijab terkini! Jom kita google, Qiy!" Farah berkira-kira hendak mengambil laptopnya.

"Eh, tunggu dulu!" kata Qiy yang sudah berdiri sambil mencekak pinggang.

"Sila siapkan semua homework Farah dulu! *No excuse!*" ujar Qiy dengan tegas.

Mendengar kata-kata Qiy itu, dia mengeluh. Menyedari bahawa masih banyak lagi homework yang harus disiapkan, dia melentokkan kepalanya di atas meja. Kalau diikutkan hati, mahu saja dia mengadap laptopnya sekarang juga! Namun, dia sedar yang dia tidak boleh terlalu menurut kata hatinya! Perkara yang penting haruslah didahulukan!

"Yes, ma'am," katanya, mengalah.

"Farah akan habiskan cepat-cepat ya. *But, please don't eat my chocolate!*" ujarinya lagi.

Farah segera menumpukan sepenuh perhatiannya terhadap kerja-kerja yang harus disiapkan. Sungguh fokus sekali sehinggakan lagu





terbaru daripada penyanyi kegemarannya yang berkumandang di radio pun tidak dihiraukannya! Qiy menyaksikan semua ini sambil tersenyum. Dia yang sudah pun selesai menyiapkan homeworknya kini mengambil kesempatan itu untuk membuat ulang kaji pelajaran. Dia tidak mahu mengganggu kawannya. Lebih cepat Farah menyiapkan kerja rumahnya, lebih cepat coklat itu dapat dinikmati!

Akhirnya, setelah satu jam berlalu, Farah menutup bukunya.

"At last! Dah siap!" dia menghentak tangannya pada meja itu.

"Congratulations! Sekarang, mari makan coklat!" ujar Qiy yang sudah tidak dapat bertahan lagi.

Mereka berdua mengambil coklat masing-masing lalu membuka bungkusannya. Sekali gigit sahaja... Wah, sedapnya! Gabungan coklat, caramel dan nougat cair di dalam mulut sungguh mengasyikkan. Kacangnya pula rangup dikunyah. Oh, so heavenly! Walaupun mereka sering menikmati coklat itu, namun tatkala





gigitan pertama, masih terasa lagi keenakan coklat itu. Tidak rugi Qiy menunggu Farah menyudahkan homeworknya. Memang berbaloi!

Buat seketika masing-masing menyepikan diri. Mereka mengambil kesempatan itu untuk menikmati coklat mereka sehinggalah ke gigitan yang terakhir!

"Wow, that was good," kata Qiy sambil merenyokkan pembalut coklat itu.

"Mmm, delicious," kata Farah yang juga sudah kehabisan coklat.

"Oh, well!! Sekarang bolehlah Farah surf internet! Nak cari fesyen tudung yang terkini!"

"Okeylah, Farah tengok dulu, ya? Qiy nak berehat sekejap," kata Qiy sambil menggeliat.

"Ish, Qiy ni... Dah makan coklat nak rehat pula! You know it's not good!"

"Ala, Farah ni... Janganlah nak berleter. Lagipun, bukannya lama... Qiy nak rehat sekejap je. Kalau Farah terjumpa apa-apa di internet nanti, beritahu Qiy, ya. Boleh kan?" soal Qiy.

"Hmm... Iyalah," jawab Farah ringkas.





Farah terus duduk dan menghadap laptopnya. Qiy pula berbaring di atas katil sambil membaca keluaran terbaru majalah *7teen*. Masing-masing tekun dengan kerja yang sedang dilakukan! Misi Farah hendak mencari tesyen hijab. Misi Qiy pula hendak membaca segmen *food and recipes* yang terkandung di dalam majalah itu! Resipi yang diajar dalam edisi bulan ini ialah *Crispy Chicken Fingers*, *Rainbow Pasta Salad*, *Peanut Butter Cupcake with Chocolate Frosting* dan juga *Yummy Strawberry Shake*. Semua gambar yang ditunjukkan kelihatan enak belaka. Sehingga berkeroncong pula perut dibuatnya. Tak boleh jadi ni! Cepat-cepat dia menyelak ke muka surat yang memaparkan segmen *fitness and diet*!

Sedang Farah sibuk melayari satu-persatu imej hijab di internet, *chatboxnya* tiba-tiba berkelip-kelip, berwarna oren.

"Eh, ada orang nak chat dengan Farah la!" lantas Farah klik pada box di tab yang tertera di laptopnya.





Assalamualaikum, Farah! Adik Kak Hani ni apa khabar?

"Hah, Kak Hani rupanya!" ujar Farah lalu jari jemarinya pantas sahaja menaip.

Walaikumussalam, Kak Hani! Alhamdulillah, Farah sihat! *Happy* dapat chat dengan Kak Hani! Kak Hani tak ada kelas ke hari ni?



Ada, tapi pensyarah datang lewat sikit. Farah tengah buat apa tu? *Homework* dah siap?

Done! Buat sama-sama dengan Qiy tadi! Anyway, *I'm searching something on the internet.*



Search apa tu? Boleh Kak Hani tau?

LOL! *Of course!* Sebenarnya Farah sedang cari fesyen berhijab yang *stylish* tetapi sopan. *Any idea?*



Ohh... Farah nak jadi HijabDiva ya? ;)

HijabDiva?



Hijab+Diva = HijabDiva!





Wow! Farah suka perkataan tu! Hmm...
Yes... HijabDiva!



Farah taip saja 'hijab' *and search.*
Easy!



Okey, nanti Farah cuba. *Anyway, thanks*
Kak Hani!



Anytime, sis! Hah, pensyarah Kak Hani
baru sampai. *Got to go! Talk to you*
soon!



Ok, Kak Hani. Bye!



Kemudian, Farah menaip perkataan hijab dikotak google dan tekan search. Wah, memang benar kata Kak Hani! Keluarlah pelbagai blog dan imej yang berkaitan dengan fesyen berhijab! Rambang mata sungguh tiba-tiba. Yang mana satu nak tengok dulu, ya?

"Qiy!" panggil Farah sementara matanya masih lagi terpaku pada skrin laptopnya.

"Mari sini! Ada banyak tau cerita tentang fesyen dan hijab ni!" ujar Farah.





Senyap sahaja. Apabila menyedari Qiy tidak memberi jawapan, dia menoleh ke arah katilnya. Apa yang dilihatnya membuatkan dia ternganga. Rupa-rupanya, Qiy sudah nyenyak tidur di atas katil itu!

"Ish, ish, ish! Qiy!" kejut Farah, lantang sambil menepuk lengan Qiy dengan kuat.

"Uh, uh, apa?" Qiy terus terjaga daripada tidurnya dalam keadaan mamai.

"Bukan Qiy yang makan kek tu!" Qiy sempat bermimpi.

Dalam perasaan geram, Farah ketawa. Sempat lagi mengigau! Qiy mengelap air liur yang sudah meleleh lalu terkebil-kebil matanya memandang Farah.

"Hehehe... Sorry, Farah. Terlena pula!" katanya sambil tersengih.

"It's okay, Hah, marilah duduk sini!"

Dengan langkah yang malas, Qiy terhuyung-hayang menuju ke meja belajar itu. Matanya digonyoh berkali-kali sambil menatap skrin laptop yang sedang menunjukkan sesuatu.





"Err, Farah... Apa sebenarnya yang kita sedang tengok ni?" soal Qiy dengan matanya yang kelihatan masih kuyu.

Farah meletakkan kepalanya di atas meja. *Stress!*

"Qiy, my dear... Hijab, fashion, style.."

"Ha?" kata Qiy yang kelihatan keliru.

"Fokus, Qiy!" kata Farah dengan lantang.

"Kita sedang melihat cara-cara pemakaian hijab yang *fashionable* dan *stylish!*" Farah kelihatan geram dengan Qiy.


Farah pun menerangkan tentang apa yang sedang dicarinya. Qiy mengangguk berkali-kali.

"Okay, I get it!" kata Qiy.

"Jadi, kita pun nak jadi HijabDiva ke?" soal Qiy

"Exactly, dear!" jawab Farah lalu terus menumpukan perhatian terhadap pencariannya semula.

"Eh, Qiy, tengok blog ni!"



Mata mereka berdua tertarik kepada sebuah blog. Nama blog itu dinamakan sempena nama tuannya sendiri iaitu Hannah Tajimi. Di situ memperlihatkan seorang wanita yang menggayakan pelbagai fesyen hijab yang sangat *stylish*! Gaya-gayanya:



Blaus bercorak bunga lengan panjang + Seluar pink + Kasut tumit rendah = Casual



Cardigan + Skirt labuh + Kasut ballerina = Sweet



Jeans + T-shirt lengan panjang + Kasut sneakers = Rock



Maxi dress + Tali pinggang kecil + Kasut tumit tinggi = Elegant



Disebalik semua gaya-gaya pemakaian itu, ada sesuatu yang menarik iaitu stail yang digayakan disertai dengan gaya ikatan selendang yang berbeza-beza. Terserlah keanggunan si pemakai!

"Wah, cantik betul la si Hannah ni. Manis saja orangnya!" kata Qiy dengan perasaan kagum.

"Betul! Dia juga so fashionable!" sambung Farah pula.

Setelah mata mereka menjamah pelbagai gaya dan fesyen yang menarik hati mereka, akhirnya Farah bangkit dari duduknya.

"Okey, Qiy! *Makeover time!*" ujar Farah.

"*Makeover?* Untuk apa?" soal Qiy yang berasa hairan.

"Oh, Qiy! Untuk apa lagi? Transformasi diri menjadi... HijabDiva la!" jawab Farah dengan penuh bergaya ala-ala diva.

Qiy termangu sebentar. Dia sudah cukup mengenali Farah. Jika kawannya itu sudah bersemangat untuk melakukan sesuatu, tiada gunanya hendak menolak. Farah akan





terus pujuk dan terus memujuk. Jika sudah penat memujuk, dia akan merayu pula! Siap dengan pelbagai ekspresi wajah sekali. Oh, sungguh dramatik! Penat hendak melayan kerenahnya! Jadi, nak atau tidak... Ikut sahajalah!

"Hmmm, okeylah, Farah..." Akhirnya Qiy mengalah.

Farah kelihatan gembira. Lantas dia mengeluarkan segala selendang yang dimilikinya dari dalam almari lalu mencampakkan kesemuanya ke atas katil. Dia berdiri di situ sambil melihat koleksi tudungnya.

"Hmm, kita perlukan lebih lagi. Tak cukup ni," kata Farah sambil bercekek pinggang

"Ha!!! Tak cukup? Tapi, Farah..." Qiy kelihatan terkejut dengan kata-kata Farah.

"Qiy, we need more style. Farah tau! Mama!" ujar Farah lalu dia terus menuju ke bilik Puan Halilah.

"Mama... Boleh tak kalau Farah pinjam selendang-selendang mama?"

"Hmm... Nak berangan jadi model, ya?" Puan Halilah meneka.





"Ala, mama ni. Macam tau-tau saja apa yang Farah nak buat! Jadi, bolehkan, mama?" soal Farah sambil tersengih memandangi wajah Puan Halilah.

"Ambillah Farah. Selendang mama semuanya ada di dalam almari. Kalau dah pinjam, mesti pulangkan semula. Bagaimana Farah ambil, begitu jugalah Farah perlu letakkannya ya," Puan Halilah memberikan beberapa syarat kepada Farah.

"Baik mama! Bisa diatur dong!" jawab Farah dalam dialek Indonesia.

Sebaik sahaja Puan Halilah memberi kebenaran, Farah terus mengambil beberapa selendang milik Puan Halilah dan dibawa ke biliknya. Qiy hanya mampu ternganga melihat Farah yang begitu bersemangat, mengalahkan Tyra yang akan menjadi model pada Malam Hijab Vogue! Proses makeover ini pasti akan mengambil masa yang sungguh panjang dan yang akan menjadi mangsa Farah tidak lain dan tidak bukan **BAQIYAH!**





Maka bermulalah sesi mendandan diri sendiri. Pakaian bertukar ganti. Pelbagai gaya tudung dieksperimentasikan oleh mereka berdua. Ada yang dililit-lilitkan di kepala beberapa kali. Ada yang dibiarkan hujungnya selempang sahaja di bahu dan tidak kurang juga yang dipinkan di sana sini! **RUMIT dan RIMAS!**

Setiap satu fesyen hijab yang digayakan, pasti akan diambil gambar. Ini sebagai bukti *makeover* mereka! Kemudian, bolehlah mereka pilih stail yang sesuai dengan mereka.

Setelah beberapa helai pakaian dan selendang digayakan, akhirnya mereka berdua berbaring di atas katil! Rupa-rupanya, penat juga sesi berangan menjadi diva ini!

"Okay, *that's a wrap!*" kata Farah sambil meneliti satu-persatu aksi mereka di dalam kameranya.

"Wah, kita nampak hebat la Qiy! Bagaikan HijabDiva yang sebenar!" ujar Farah lagi dengan perasaan penuh teruja.





"Hmm, iyalah tu. Sekarang apa kata kita turun ke dapur dan cari snek? Qiy lapar la!"

"Okey, tapi Farah nak buat sesuatu dulu," kata Farah dengan senyuman melebar sehingga ke telinga.

"Buat apa pula kali ini? Nak cuba stail lain pula ke?" soal Qiy sambil mengeluh.

"Upload ke FB!"





Pagi ini Farah duduk bersarapan bersama Puan Halilah. Hari ini, Puan Halilah menyediakan *pancakes*. Farah memang sukakan *pancakes* terutama sekali yang dimasak oleh Puan Halilah. Lembut dan gebu teksturnya. Tambahan pula jika dimakan bersama-sama madu, jem dan mentega... Amboi, terserlah lagi keenakkannya! Sepinggian memang tidak cukup!



Selesai sahaja bersarapan, Farah membantu Puan Halilah mengemas rumah pula. Operasi menggilap cermin, bersihkan habuk, vacuum karpét dan menggantikan alas meja memang sudah menjadi rutin mereka berdua setiap hari Ahad. Kebersihan rumah haruslah dijaga selalu. Kata orang, rumahku, syurgaku!

Setelah lebih kurang dua jam sibuk mengemas, akhirnya rumah itu siap dibersihkan. Farah memerhatikan sekeliling rumah itu sambil tersenyum puas. Bersih dan bebas habuk. Alhamdulillah! Sekarang, masa untuk berehat!

Farah melangkah masuk ke dapur. Selalunya Puan Halilah pasti menghadihkan semangkuk aiskrim sebagai ganjaran kerana membantu mengemas rumah. Hari ini, tidak terkecuali. Di atas meja makan, sudah tersedia dua scoop aiskrim Mint Chocolate Chip, perisa kegemarannya. Puan Halilah berdiri di situ sambil tersenyum.

"Thanks, ma," kata Farah sambil mencium pipi Puan Halilah.





"Er, mama... Boleh tak kalau Farah bawa aiskrim ni ke bilik?" Farah meminta kebenaran.

"Yes! Errr, Farah, hari ni mama tak nak masaklah. Apa kata kalau kita pergi ke shopping mall tengah hari ni? Kita jalan-jalan dan makan tengah hari sekali di sana. *Sounds good?*"

"Of course, ma! Siapa yang tak nak pergi shopping? *I love shopping!*" jawab Farah dengan perasaan gembira.

"Hah, kalau begitu, Farah bersiap-siaplah ya. Kita pergi dalam... Emm... Sejam lagi!" ujar Puan Halilah sambil melihat jam di dinding rumahnya.

Farah mengangguk lalu pantas naik ke bilik sambil membawa aiskrimnya bersama. Farah menuju ke arah laptop di atas meja belajarnya. Sebenarnya, masa inilah yang dinanti-nantikannya dari tadi. Dia hendak melihat komen dan 'like' yang diterima daripada gambar yang diupload semalam.

WOW! Ternyata dia menerima banyak notification di facebook! Wah, happy! Ramai kawan-kawannya sudah 'like' gambar album yang bertajuk 'HijabDiva!'





Farah meneliti satu-persatu komen yang diberikan pada gambarnya dan juga gambar Qiy. Namun, semestinya dia menumpukan perhatian kepada komen-komen pada gambarnya.



Farah



Like · Comment · Share · 9 hours ago · 

 Munira Hmz, Fatimah Zafira and 31 others like this.

 View 21 more comments

 **Weena** Wah, cantik! Tips, please?

Yesterday · Like

 **Zuuya** Sesuai untuk Malam Hijab Vogue.

Yesterday · Like ·  5

 **Tyra Aiyra** Yes, fabulous! Sejak bila pula awak jadi HijabDiva ni?

Yesterday · Like

 **Yuri Yusriyah** Ne! Aremdaun! Beautiful! Cantiklah!

14 hours ago · Like

 **Yoona Yusrina** So lovely... Sarangseureoun...

14 hours ago · Like





Senyumannya semakin melebar apabila membaca kesemua *feedback* yang telah diberikan. **POSITIF!** Kawan-kawannya memang sentiasa memberi sokongan tidak kiralah apa yang dilakukannya. Bertuah badan dapat kawan-kawan seperti mereka!

Baru sahaja dia hendak membalas dalam kotak komen, pandangannya terlontar pada jam yang berada di atas meja itu.

"**Alamak!** Baik Farah pergi bersiap. *FB can wait. Shopping can't wait!*"

Cepat-cepat dia menghabiskan sisa-sisa aiskrimnya lalu menukar pakaian. Dia berdiri di hadapan almari yang terbuka luas. Setelah membelek satu-persatu pakaian, dia membuat keputusan. *Sunday=Casual Day!* Jadi, pilihannya adalah seluar jeans dan kemeja pink labuh yang diperkemaskan dengan mengenakan tali pinggang nipis di bahagian luar. Kasut pula adalah sepasang ballerina flats. Cukup selesa! *Next*, adalah hijab untuk melengkapkan keanggunan muslimah!





Setelah dua, tiga kali mencuba fesyen yang berlainan, dia mendapat ilham yang benar-benar serasi dengan pakaiannya. Apa yang diperlukan adalah anak tudung, selendang panjang dan pin.

Cara- cara memakai:



1. Tarik kedua-dua belah selendang ke tepi.



2. Bawa bahagian bawah selendang ke depan dan pinkan pada anak tudung berdekatan dengan bahagian telinga.



3. Bawa lebihan tudung ke bahagian tepi sanggul.



4. Letakkan kerongsang berbentuk bunga.





"Hah, ready!" kata Farah pada dirinya sendiri sambil melihat ke dalam cermin.

"Perfect!"

Sempat juga dia menangkap gambar dengan telefon pintarnya sebelum dia turun ke bawah. Petang nanti, selepas pulang bolehlah dia update status! **CANT WAIT!**

Sewaktu dia tiba di ruang tamu, Puan Halilah kelihatan agak terkejut apabila melihat transformasi dirinya.

"Amboi, gaya macam model dalam Majalah Gadis pula," usik Puan Halilah.

"Ala, mama ni, malu Farah tau!"

"Eh, jom kita pergi sekarang!" ujar Puan Halilah sambil mencapai beg tangannya di atas meja.

'Girls Day Out' antara anak dan ibu ternyata tidak membosankan. Setibanya mereka di **MV Megamall**, mereka terus sahaja menuju ke kedai makan. Perut harus diisi dahulu. Barulah ada tenaga untuk berjalan. **Nanda's Chickenland! YUMMY!** Makanan yang dipesan adalah ayam panggang, nasi, salad dan jus buah-buahan. Semuanya sedap-sedap belaka!





Setelah masing-masing kenyang, barulah mereka ke agenda seterusnya iaitu *shopping!*

"Farah nak cari apa?" soal Puan Halilah.

"Farah nak tengok selendang, boleh?"

Farah terus memberi jawapan.

"Hah, mama setuju! Mama pun nak beli juga, kalau ada yang cantik," jawab Puan Halilah.

"Okey! Kalau begitu, apa kita tunggu lagi?" kata Farah sambil menarik tangan Puan Halilah ke kedai yang menjual beraneka jenis tudung.

Puan Halilah membiarkan sahaja Farah memimpinnya. Nampaknya Farah lebih arif tentang kedai-kedai di pusat membeli-belah itu! Sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam kedai itu, mereka berdua terpesona melihat pelbagai jenis tudung yang dijual. Ada yang bercorak, plain dan tersedia dalam pelbagai saiz serta bentuk. Semua yang berada di dalam kedai itu memang cantik. Rambang mata dibuatnya!

"Wah, yang ini cantiklah!" kata Farah sambil membelek sehelai selendang *halfmoon* yang dihiasi dengan manik dan labuci.





"Hah, yang itu pun cantik juga!" sehelai lagi selendang dibeleknya.

Puan Halilah tersenyum melihat gelagat Farah.

"Ada yang berkenan ke? Ambillah, mama bayarkan. Tapi jangan banyak sangat. Bajet mama RM50 sahaja," ujar Puan Halilah.

"Betul ke, mama?" soal Farah yang terkejut campur gembira.

Puan Halilah mengangguk.

"Terima kasih, mama! Farah akan pilih sebaik mungkin," Farah terus memeluk mamanya.

Setelah dia memilih pelbagai seleksi selendang dan anak tudung, akhirnya lima jenis selendang berjaya memikat hatinya. Sehelai skaf empat segi bercorak bebunga halus, sehelai selendang dengan manik-manik besar yang terjurai di hujung dan sehelai tudung yang mempunyai renda di bahagian bawah, dua helai selendang plain, satu berwarna pink dan satu lagi berwarna kuning pekat ombre. Semuanya RM50!

"Okey, mama," kata Farah sambil menunjukkan kesemua tudung pilihannya.





"Mama pun dah ada pilihan sendiri," kata Puan Halilah sambil memegang tiga helai tudung.

"Jom bayar!" Puan Halilah terus ke kaunter dan membayar kesemua tudung yang dipilihnya.

Ketika keluar dari kedai itu, Farah kelihatan sangat gembira. Tidak sabar rasanya hendak pulang dan menggayakan selendang yang baru dibelinya itu!

Tanpa Farah sedari, ada seseorang sedang memerhatikannya bersama Puan Halilah dari jauh. Zereena!

Zereena yang baru sahaja melangkah keluar dari butik jenama M&H, cepat-cepat bersembunyi di balik tiang besar sebaik sahaja dia melihat Farah dan Puan Halilah sedang berjalan keluar dari sebuah butik tudung. Dari situ, dia memerhatikan sahaja gerak-geri Farah sehinggalah musuhnya itu hilang dari pandangan matanya.

"Keluar dari kedai tudung. Huh! Kononnya dah pandai menggayakan fesyen hijab!"



"Ehem, cik... Ke mana lagi kita nak pergi?" soal Pak Meon merangkap pemandu keluarga Zereena.

Zereena menoleh ke arah Pak Meon. Tangan Pak Meon sudah penuh dengan bungkusan-bungkusan besar. Begitu juga dengan bibik yang sedang berdiri di sisi Pak Meon. Dia kelihatan sungguh letih kerana terlalu banyak berjalan dan membawa barang-barang Zereena yang banyak.

"Iya, miss. Bibik pun udah letih. Di rumah lagi banyak tugas mahu dibereskan. Apa kata kita pulang, yuk?" bibik mengeluh sambil memandang Zereena meminta simpati.

"Bibik jangan nak merungut, ya? Ada banyak lagi kedai yang Zee belum pergi lagi," jawab Zereena sambil menjegilkan matanya ke arah bibik.



Bam! pintu kereta mewah dihempas dengan kuat. Laju Zereena berjalan menuju





ke hadapan rumahnya. Tap, tap, tap... Tumor kasutnya kedengaran bising menghentak lantai! Kemudian, Zereena menoleh ke belakang. Melihat bibik masih lagi berdiri di sisi kereta, wajahnya serta-merta menjadi merah padam.

"Bibik! Apa lagi bibik buat di situ? Barang-barang tu tak boleh berjalan sendiri ke dalam rumah. Cepatlah bawa masuk barang-barang saya tu!" marah Zereena.

"I... Iya, miss," jawab bibik, teragak-agak lalu bergegas membawa bungkusan-bungkusan dan *shopping bag* masuk ke dalam rumah Datuk Zaidi.

Zereena melangkah masuk ke dalam rumah yang tersergam besar dan indah itu. Senyap sunyi sahaja. Melihat suasana yang sepi itu dia sudah tahu bahawa tiada sesiapa pun berada di rumah. Ketika itu, hatinya terasa sedikit sayu. Pasti *daddy* sudah pergi bermain golf di salah sebuah Country Club bersama kawan-kawannya yang berstatus datuk atau pun tan sri. *Mommy* pula mungkin menghadiri salah sebuah event *high tea* bersama datin-





datin yang lain. Tidak pun, dia pergi ke spa untuk memanjakan diri sendiri. Alahai...

"Oh, well!" katanya, cepat-cepat membuang perasaan sedih yang dirasainya.

"No worries! Sekurang-kurangnya, Zee ada beli pelbagai barang baru! I feel fabulous!"

Kemudian, dia menumpukan perhatiannya semula terhadap bibik yang baru masuk ke dalam rumah. Ternyata pembantu rumah itu sedang mengalami kesulitan kerana membawa lambakan bungkusan di tangannya. Zereena pula sekadar bercekak pinggang sambil memerhatikan senario itu. Sedikit pun dia tidak ingin menghulurkan bantuan. Kenapa harus dia berbuat demikian? Bukankah bibik telah dibayar untuk menjadi pembantu rumahnya! Jadi bibik harus melakukan segala kerja yang diarahkannya.

"Ha, bibik! Terus bawa naik ke bilik saya. Jaga-jaga tau! Jangan sampai terjatuh barang-barang saya tu. Nanti potong gaji!" ujar Zereena.

"Iya, miss," akur bibik lalu menaiki tangga untuk ke bilik anak majikannya itu.





Setelah tiba ke bilik itu, Zereena mengarahkan agar bibik meletakkan kesemua barang-barangnya di atas katil.

"Hmmm... Bibik boleh pergi sekarang. Kalau saya nak apa-apa lagi, nanti saya panggil," arah Zereena lagi sambil memeriksa setiap *shopping bag* dan bungkusan barang-barangnya di atas katil.

Bibik mengangguk lalu beredar dari situ. Hai, penat sungguh dia melayan kerenah anak majikannya. Pergi *shopping* pun harus diikuti bersama! **WADUH!**

Apabila sudah berseorangan di dalam bilik, Zereena duduk tersepuk di atas katilnya. Kemudian, satu-persatu kandungan dari bungkusan-bungkusan itu dikeluarkan. Rupanya banyak juga yang dibelinya tadi! Duit yang perlu dikeluarkannya juga, **BANYAK!**

Sepasang kasut *platform wedges* berjenama *Guest*, *sling bag* *Forever 20* berwarna *light purple*, sepasang *skinny jeans* berjenama *Espirit* dan sehelai blaus bercorak cheetah dari butik *Zarrah*. Itupun belum termasuk lagi





kaca mata hitam baru, gelang tangan, rantai, alat solek, selendang dan beberapa lagi jenis aksesori yang lain. Maka tidak hairanlah semua barangan tersebut hampir mencecah seribu ringgit! **WOW!** Sungguh membazir kerana barangan Zereena sudah terlalu banyak.

Zereena mengeluh resah. Walaupun pelbagai barangan baru terbentang di hadapan matanya, tetapi dia masih lagi tidak gembira. Bukan kerana masih ada barang yang tidak dibelinya, sebaliknya hanya kerana **FARAH!**

Apabila nama Farah mula bermain di benaknya, hatinya semakin resah. Lebih resah daripada tadi. Mana tidaknya! Imej Farah yang dilihatnya di *shopping mall* tadi masih lagi terbayang-bayang di fikirannya. Rosak terus moodnya sejak itu!

"Heesh!!!" jerit Zereena melepaskan geram lalu menolak barang-barang yang dibelinya ke atas lantai.


Zereena akui Farah kelihatan begitu cantik dengan stail barunya. Kerana itu Zereena berasa marah. Sesungguhnya dia tidak






mahu sesiapa pun memiliki lebih daripada apa yang dia ada. Lebih-lebih lagi Farah! Ini akan mengundang lebih banyak kemarahannya lagi!

“Baik... Kita tengok siapa yang lebih pandai menggayakan selendang selepas ini!”





Hari ini hari Isnin. Seperti biasa, Farah berjalan kaki ke sekolah bersama Qiy. Udara yang nyaman pada pagi itu seperti menjanjikan cuaca hari ini pastinya akan cerah sehingga ke petang.

Burung-burung kedengaran berbunyi seakan sedang menyanyi di sana, sini. Hati Farah juga turut ceria menikmati suasana itu.



"Ah, I love Monday!" kata Farah tatkala melangkah kaki perlahan-lahan menuju ke sekolah.

"Minggu baru yang bakal dipenuhi dengan pelbagai aktiviti dan cabaran! Betul tak, Qiy?" soal Farah sambil memandang Qiy yang kelihatan tidak bermaya.

"Emm..." Itu sahaja yang mampu Qiy luahkan.

Farah memandang kawannya itu. Wajahnya tidak menonjolkan sebarang ekspresi. Suram sahaja! Setiap hari Isnin, beginilah dia. **MONDAY BLUES!** Sikap Qiy sangat berlainan dengan Farah. Seorang optimis manakala seorang lagi pesimis!

"Eh, best la! Kita dapat berjumpa dengan kawan-kawan yang lain, makan bersama-sama di kantin, chit chat, belajar itu, belajar ini..." Farah cuba membangkitkan semangat Qiy.

"Hai... Peliklah Farah ni. Qiy rasa, dalam dunia ni Farah la satu-satunya orang yang happy pada hari Isnin. Qiy sama seperti orang lain yang tak suka hari Isnin. Sebab





itulah terciptanya perkataan *Monday Blues!*" ujar Qiy.

"Em... Tak best Qiy macam ni." Farah mula berasa bosan melihat wajah monyok Qiy.

Farah mendapat satu idea bagaimana hendak membuatkan Qiy tersenyum pagi ini.

"Farah ada ini!" Dia menunjukkan sebungkus coklat kepada Qiy.

"Coklat!" Qiy mula kelihatan teruja lalu hendak mengambil coklat di tangan Farah. Namun Farah cepat-cepat menjauhkan coklat itu agar Qiy tidak mengambilnya.

"*I can't help it, Qiy.*" Kemudian Farah ketawa apabila melihat wajah Qiy yang kembali monyok.

"Ala... Monyok balik. Qiy, kita kenalah ceria selalu. Baru la tak bosan! Hah, cuba senyum sikit? *Smile... Smile...*" Farah mencubit pipi Qiy yang gebu untuk memaksa rakannya itu tersenyum.

"Okey, okey! Qiy senyum," Qiy menepis tangan Farah lalu memaksa senyuman di bibirnya.





"Eh, lupa pula nak tanya. Semalam Farah pergi shopping dengan mama Farah kan? Best?" Qiy mula mengubah topik.

"Oh, memang best! Qiy nak tau tak Farah beli apa?" soal Farah dengan riangnya.

"Biar Qiy teka. Farah beli selendang. Betul tak?" Qiy menjawab dengan yakin.

Farah memandang Qiy dengan wajah terkejut kerana jawapan rakannya itu memang **TEPAT!**

"Hello, Farah... Semalam awak dah update dalam FB la. Qiy la orang pertama yang 'like' post tu!" ujar Qiy lagi.

"Oh, ya! Lupa pula. Anyway, Farah belum upload lagi gambar kesemua selendang tu. Semuanya cantik-cantik, tau!" Farah kelihatan begitu teruja.

"Lucky girl! Hah, bercakap tentang FB, Farah tentu dah baca semua komen tentang gambar-gambar yang Farah ambil hari tu," ujar Qiy.

"Of course!" sekali lagi Farah kelihatan teruja.



"Kesemua komen tu sungguh positif. Suka, suka, suka!"

"Memanglah... Tapi, secara jujurinya, segan juga. Qiy tak biasalah orang puji-puji macam tu," Qiy merendah diri.

Kebetulan ketika itu, mereka berdua sudah melangkah masuk ke perkarangan sekolah. Baru sahaja Farah hendak membuka mulut untuk menjawab kata-kata Qiy, dua orang pelajar iaitu Sarah Fatimah dan Suraya sedang berjalan seiring mereka. Mereka adalah rakan di sekolah Farah dan Qiy.

"Hey, Farah, Qiy! Hebat gaya hijab awak berdua! Saya sukakan kesemuanya! Sangat fashionable! Good job!" ujar Sarah sambil tersenyum bangga.

Farah dan Qiy saling berpandangan. Terkejut juga pagi-pagi begini sudah ada yang memuji. **ALHAMDULILLAH!**

"Errr... Terima kasih, Sarah," jawab Farah sambil tersenyum malu.

"Gaya hijab?" soal Suraya agak terkejut.

"Yup! Kalau awak nak tau, Farah dan Qiy la yang saya ceritakan kepada awak





semalam. Dua orang HijabDiva!" ujar Sarah kepada Suraya.

"Eh, kalau begitu, tolong add saya sebagai kawan awak di FB, boleh? Saya pun minat fesyen hijab! Nama FB saya Pwincess Sue. Cari saya, okey?" Suraya juga kelihatan teruja.

"Okey! Insya-Allah. Anyway, thanks for the feedback! Kami berdua hargainya," jawab Farah.

"Anytime. Kami pergi dulu, Farah, Qiy. Keep it up, girls" kata Sarah sambil beredar dari situ bersama Suraya.

Farah dan Qiy memerhatikan mereka berdua sehingga hilang daripada pandangan mata mereka. Kemudian, Farah memeluk lengan Qiy dengan perasaan yang sungguh gembira.

"Wah, bestnya bila ada peminat! Betul tak, Qiy?" kata Farah sambil tersenyum lebar.

Qiy mengangguk perlahan. Seketika kemudian, loceng berbunyi.

"Eh, cepatlah, Farah. Loceng dah berbunyi. We are going to be late!" Qiy terus menarik tangan Farah.





Menjelang waktu rehat, Farah menerima banyak lagi pujian tentang HijabDiva yang ditonjolkannya di dalam FB tempoh hari. Nampaknya, ramai juga fashionista di sekolah itu!

"Farah, awak patut buat tutorial! Bolehlah kami semua belajar cara-cara nak berfesyen seperti awak," ujar Shanel.

"Betul, Farah! Awak jadi *stylist* dan Qiy pula boleh jadi modelnya!" Tyra memberi cadangan.

"Oh, *no!* Cukuplah dengan pujian yang Qiy terima setakat ini! *It's okay.* Qiy lebih selesa berada di belakang tabir. Hah, apa kata kalau Qiy jadi *photographer* dan awak semua jadi modelnya. Boleh?" Qiy pula memberi cadangan setelah idea daripada Tyra ditolaknyanya dengan baik.

"Wow, itu satu idea yang baik. *I like it!*" ujar Yoona.

"Ya, Yuri pun suka!" jawab Yuri pula.





"Wah, nampaknya belum apa-apa lagi, saya sudah ada ramai model! Semuanya cute-cute belaka!" Farah kelihatan gembira.

Mereka semua ketawa mendengar kata-kata Farah. Dalam diam, Farah sudah teruja sebenarnya. Buat tutorial... Hmm, interesting idea!



Petang itu, Farah sibuk berchatting bersama Kak Hani yang berada nun jauh di Universiti Malaysia Sabah.



Wow, fesyen HijabDiva Farah memang cantik! *Very stylish!*

LOL! Thanks, Kak Hani! :P




Nampaknya Farah dah *famous!* Ramai orang yang *like!* Betul tak?

Hehehe... Alhamdulillah!



Next project?

Next project? Macam tau je Kak Hani ni...





Ala... Macamlah Kak Hani tak kenal Farah!

Okey, projek seterusnya nak buat tutorial selendang. Ada permintaan!



Belum pun sempat Farah hendak menerangkan dengan lebih lanjut lagi tentang rancangannya, tiba-tiba dia menerima satu mesej daripada Tyra.



Assalamualaikum, Farah! R u there?

Walaikumussalam, Tyra...
What's up? Be right back...



Farah kembali kepada Kak Hani semula.

Kak Hani... Sorry lambat reply.
Tyra nak chat tadi...



Oh, *it's okay*. Kak Hani pun kena pergi dulu. *Need to do something*.
Anyway, nanti bagi *update* tentang tutorial Farah, okey! Bye!

Pasti! Bye, Kak Hani!





Kini, Farah menumpukan perhatian kepada Tyra pula.

Okay, Tyra! I'm back. Please go on...



Malam HijabDiva Vogue! Sempena malam tu, *Fashion Club* ada buat page FB. Ada pertandingan Pencarian HijabDiva Vogue!

Really? Wow, seronoknya!



Kan? Tyra pun *happy* bila dapat tau!

So... Macam mana nak sertai pertandingan tu?



Senang saja. Apa yang perlu dibuat adalah *upload*kan gambar dengan fesyen hijab yang paling kreatif!

Oh, itu saja?



Yes. Pemenang akan ditentukan daripada 50% '*like*' yang diterima dan 50% lagi akan diadili oleh *judges*!

Oh! Untuk meraih gelaran HijabDiva Vogue?





Tyra

Betul! Dan pemenangnya akan diumumkan pada Malam Hijab Vogue nanti.

Wah, bestnya!



Farahappy



Tyra

Jadi... Farah berminat?

Of course!



Farahappy



Tyra

Saya memang dah agak! Okeylah, saya nak beri info ni kat kawan-kawan kita yang lain. See you tomorrow. Bye!

Selesai chatting bersama Tyra, Farah termenung seketika memikirkan berita baik daripada kawannya itu.

"Wah, hari ni banyak kejadian menarik berlaku! *That's why I love Mondays!*" ujar Farah.



"Idea!" kata Farah dengan sungguh gembira.

Terkejut Qiy dibuatnya. Tiba-tiba sahaja Farah menjerit sebegitu sambil menyentap lengan Qiy dengan kuat.





"Ish, Farah ni! Nak bagi Qiy heart attack ke?" Qiy sedikit geram.

"Sorry, Qiy... *Overexcited* pula!" Farah tersengih memandangi Qiy.

"Hah, tau pun! Okey, sekarang beritahu Qiy, apa *idea* Farah tu?" kata Qiy.

"Farah tengah fikir tentang Pencarian HijabDiva Vogue dan juga tutorial yang kita bincangkan di kantin semalam," ujar Farah.

"Ohh... Okey... Jadi apa *ideanya*?" soal Qiy lagi.

"Farah nak buat *Makeover Party!* Dalam bilik Farah!"

"*Makeover Party*??? Dalam bilik tidur?" Qiy sedikit terkejut.

"Bunyi macam *best!* Tapi untuk apa?"

"Untuk kita *and THE VOGUES!* Supaya kita semua boleh sertai Pencarian HijabDiva Vogue! Sekaligus buat tutorial," Farah menerangkan rancangannya.

"Ish, Qiy segan la Farah nak masuk pertandingan tu!"





"Ala... Janganlah begitu, Qiy. Kalau tak ada awak, memang tak meriah party tu nanti. Lagipun, Farah cadang nak sediakan makanan..." pujuk Farah.

Menyediakan makanan! Qiy terkaku seketika. Wajahnya kelihatan sedikit teruja namun, dia berlagak seperti biasa kerana dia tidak mahu menunjukkan perasaan gembiranya. Qiy berpura-pura berlagak tenang sahaja. Melihat reaksi kawannya, Farah menahan senyuman di bibir. Umpannya sudah mengena!

"Hmm... Mungkin saya boleh meluangkan sedikit masa untuk party awak tu nanti."

"Sayang, Qiy!" Farah memeluk lengan Qiy.

"Tapi Farah nak minta tolong sesuatu..."

Qiy memandang Farah yang sedang memberitahu tentang permintaannya. Setelah Qiy bersetuju, dia tersenyum gembira. Ahhh... Tak sabar rasanya hendak hoskan *Makeover Party* itu nanti!





"Wah, cantiknya, Qiy! *I love it!*" kata Farah sambil meneliti kertas di tangannya.

Dia kini sedang berada di bilik Qiy. Tangannya membelek-belek semula kad jemputan *Makeover Party* yang telah direka khas oleh Qiy untuknya. Di bahagian hadapan kad jemputan tersebut, Qiy telah melukis seorang gadis berhijab. Tertera di atas kad itu lagi adalah...

'Makeover Party Invitation'

Di belakangnya pula, terdapat maklumat tentang *Makeover Party* itu termasuklah waktu dan harinya. Cantik kad itu. Ternyata Qiy memang kreatif!

"*Perfect!* Terima kasih sekali lagi kerana sudi bantu Farah, Qiy! *You are the best!*"

"Sama-sama. Eh, bila Farah nak edarkan kad jemputan ni kepada *THE VOGUES?*"

"Esok!"





Hari Ahad... Makeover Party Day!

Farah melihat jam di pergelangan tangannya. Pukul 2.15 petang. Dalam masa 15 minit lagi, pasti rakan-rakannya akan tiba! Matanya melilau melihat keadaan di sekeliling bilik buat kali terakhir untuk memastikan semua yang dirancangnya sudah tersedia.



- * Selendang, tudung dan anak tudung
- * Pin dan kerongsang
- * Bedak, lip gloss dan sebagainya
- * Kamera (sangat penting!)
- * Makanan ringan dan minuman



Setelah berpuas hati, dia keluar dari biliknya lalu turun ke bawah. Tatkala kakinya mencecah ke anak tangga yang terakhir, loceng rumahnya berbunyi. Ding dong!

"Farah, mama rasa kawan-kawan Farah dah sampai," ujar Puan Halilah dari dapur.

"Ya, mama. Biar Farah tengok!" jawab Farah.

Sebaik sahaja pintu dibuka, Farah mendapati Yoona dan Yuri sedang berdiri di situ.

"Annyong haseyo! Assalamualaikum!" ucap mereka serentak sambil tersenyum lebar.

"Walaikumussalam! Eh, awalnya. Siapa yang hantar awak berdua ke sini?" soal Farah.

"Hmmm, Liamlah. Siapa lagi?" jawab Yoona.





"Ya... Lepas tu dia terus ke rumah Nail. *Band practice and jamming!*" ujar Yuri pula.

Farah mengangguk tanda faham. Liam merupakan abang kepada Yoona dan Yuri dan pemain dram bagi kumpulan *One Way*. Menariknya, *jamming studio* kumpulan itu adalah di rumah Nail.

"Eh, silakan masuk. Yoona, Yuri. Kita tunggu yang lain sampai, ya."

Baru sahaja Farah hendak menutup pintu, kebetulan Qiy memasuki laman rumahnya. Di tangannya terdapat sebuah bekas. Ketika nampak Farah sedang berdiri di muka pintu, dia tersenyum lebar.

"Assalamualaikum, Qiy!" ujar Farah, membalas senyuman itu.

"Walaikumussalam, Farah," jawab Qiy.

"Wah, ada bawa buah tangan la. Buat susah-susah saja!"

"Tak susah pun," kata Qiy sambil menyukan bekas tersebut kepada kawannya.

"Cuma..."

Belum pun habis ayatnya, Farah sudah pun membuka bekas tersebut. Di dalamnya





terdapat donat-donat bersaiz comel yang disaluti coklat. Tetapi, yang peliknya, donut-donut itu hanya tinggal beberapa biji sahaja di dalam bekas yang sebesar itu. Farah tersenyum sambil melihat jari jemari Qiy. Hah, comot dan bercoklat!

"Errr... Itu mini donat. Qiy ada makan beberapa biji dalam perjalanan ke sini tadi. Sorry!" ujar Qiy dalam nada serba salah.

"Betul ke beberapa biji saja?" usik Farah.

"Anyway, thanks, Qiy. Tak mengapa. Di dalam ada banyak lagi makanan!" ujar Farah.

Qiy tersenyum lebar lalu terus masuk ke rumah Farah. Farah menggeleng sambil tersenyum, lalu menutup pintu. Sempat dia menjeling jam di dinding. Hmm... Nampak gayanya Shanel dan Tyra agak lambat! Tak mengapalah. Sambil menunggu mereka berdua, bolehlah dia berborak-borak bersama tetamu-tetamu yang sudah pun berada di situ.

Lantas, dia pun menuju ke sebuah sofa untuk duduk. Baru sahaja dia hendak





melabuhkan punggungnya, loceng rumah berbunyi sekali lagi. Ding dong!

"Hah, itu pasti Shanel dan Tyra!" kata Farah lalu bergegas ke pintu semula.

Setelah pintu dibuka, Farah mendapati tekaannya tepat. Tyra dan Shanel berdiri di hadapannya sambil tercungap-cungap dan berpeluh!

"Assalamualaikum, Farah!" ucap Tyra sambil mengelap peluh di dahinya dengan sehelai tisu.

"Walaikumussalam. Hi Tyra, hi Shanel!" jawab Farah dengan nada yang sungguh gembira.

"Sorry we're late. Ini semua angkara Shanel! Dia bawa Tyra ronda-ronda di kedai sebelum ke sini tadi!" ujar Tyra.

"Ala... Maatlah, Tyra. Sebenarnya Shanel cari selendang ni!" Shanel menunjukkan kandungan dalam bungkusan plastik yang sedang dibawanya.

"Amboi... Selendang berkain chiffon. Mesti mahal ni!" kata Farah.





"Eh, tak mahal pun. Hanya RM10 setiap satu di Kedai Chewah!" jawab Shanel dengan bangga.

Farah ketawa. Hai, itulah sikap Shanel. Tidak perlu bayar mahal untuk kelihatan bergaya!

"Baiklah," kata Farah sejurus sahaja Tyra dan Shanel masuk ke rumahnya.

"*VOGUES*, mari kita mulakan *makeover!*"

Mereka berenam pun naik ke bilik Farah. Melangkah ke dalam bilik itu seakan-akan masuk ke dalam sebuah mini studio! Mereka semua kelihatan kagum! Meja solek dilengkapi dengan pelbagai alat solek. Sudut fotografi sudah tersedia dengan kain rentang berlatar belakang pink. Paling menariknya, di atas sebuah meja, pelbagai makanan sudah tersedia untuk dijamu. Ehsan daripada mama Farah! Menunya adalah *chicken and cheese sandwich nachos* dicicah bersama salsa, koktel sosej, campuran anggur merah dan hijau serta *chocolate almond brownies* sebagai pencuci mulut. Sekurang-kurangnya, tidaklah lapar tatkala menunggu giliran mereka untuk didandan! **YUMMY!**

Jadi, bermulalah sesi transformasi HijabDiva yang diketuai oleh Farah sebagai stylist dan Tyra sebagai jurusolek. Qiy pula awal-awal lagi sudah menawarkan dirinya untuk berperanan sebagai jurufoto dan jururakam tutorial.

Gaya dan dandanan setiap seorang daripada mereka telah pun dirancang terlebih dahulu oleh Farah...

Shanel

Tudung gaya lilit dengan menggunakan selendang chiffon plain anak tudung dwi warna kelabu dan pink.



Tyra

Tudung gaya Ombak Kasih dengan menggunakan selendang panjang yang dililit di kepala untuk menampakkan berombak. Dipakai dengan *inner neck* polka dot.

Yuri

Tudung gaya Girly K-Pop dengan tudung konsep warna-warna ceria seperti hijau, biru dan kuning yang dibiarkan panjang di bahagian tepi.





Yoona

Tudung gaya sopan. Konsepnya lebih kurang sama dengan Yuri tetapi warnanya lebih lembut seperti *soft pink* dan *lavender*. Dicantikkan lagi dengan kerongsang *butterfly*.

Qiy

Tudung gaya '*Sweet and Simple*' (atas permintaannya). Gayanya amat mudah. Apa yang diperlukan hanya sehelai selendang yang dililit di kepala dan di atasnya dipakaikan skarf beriben.



Farah tersenyum puas melihat model-model di hadapannya. *F.A.B.U.L.O.U.S!* Dia juga sudah siap berdandan. Hari ini, dia mengenakan sehelai '*Infinity Shawl*' berwarna *fushia pink* rekaannya sendiri.

Shawl itu telah direkanya semalam. Kedua-dua hujung selendang *plain* itu telah dijahitnya bersama untuk dijadikan *loop*. Setelah itu, dia mencantikkan selendang itu lagi dengan menjahit manik-manik dan labuci di sana sini. Selendang itu dipadankan dengan anak tudung *lace* berwarna *baby pink*. Sebentuk *vintage brooch* melengkapkan gayanya.





"Okay, girls. Sesi tutorial tadi dah over. Now... Photo shoot untuk Pencarian HijabDiva Vogue di FB!!!"



Ketika Farah dan kawan-kawannya sedang sibuk dengan *Makeover Party*, Zereena pula sedang duduk di atas katil, di biliknya. Matanya sedang meneliti sekeping kertas di tangan kanannya. Kertas itu merupakan jemputan ke Malam Hijab Vogue. Otaknya tiba-tiba kembali pada waktu dia, Rihana dan Eilana ternampak Farah dan kawan-kawannya di Smoothtea Café tempoh hari...



"Come, gals. Kita ke Starbucks dan tinggalkan losers ni!"

Lalu mereka bertiga pun masuk ke Starbucks yang terletak di deretan kedai yang sama. Setelah memesan minuman, Zereena





membawa tiga cawan Mocha Chocca Vanilla and Caramel Frappuccino with extra whipped cream ke meja di mana Rihana dan Eilana sedang duduk.

"Thanks, Zee!" kata Eilana yang sudah terliur melihat minuman tersebut.

"Ya, Zee, terima kasih! Nampak sedaplah!" ucap Rihana pula.

Baru sahaja Eilana dan Rihana hendak mengambil minuman masing-masing, Zereena pantas menepuk tangan mereka. Kawan-kawannya tergamam seketika melihat reaksi Zereena itu sambil mengusap-usap tangan mereka. **SAKIT!**

"Elle... RiRi. Sebelum awak berdua minum, ada sesuatu yang Zee nak awak berdua lakukan," ujar Zereena sambil menyedut minumannya.

Eilana dan Rihana saling berpandangan. Zereena pula sengaja menyedut minumannya perlahan-lahan di hadapan kawan-kawannya. Melihat tindakan itu, Rihana dan Eilana semakin terliur! Akhirnya, mereka mengeluh





panjang. Sepatutnya mereka sudah agak arif di sebalik tindakan Zereena membawa mereka ke situ! Pasti ada sesuatu yang Zereena hendak lakukan.

"Okay, okay. Fine... Apa yang Zee nak kami buat?" soal Eilana, mengalah.

"Ha... *That's more like it!* Zee nak RiRi dan Elle pergi intip Farah dan kawan-kawannya," kata Zereena sambil tersenyum.

"*What?* Tapi kenapa? *They are not worth it!* Zee sendiri kata bahawa mereka semua tu *losers*, bukan?" ujar Rihana.

"Hish, jangan banyak tanyalah! *Anyway, I just want to know what they are up to. Bagaimana? Boleh ke tidak awak berdua lakukan ini untuk Zee?*" Zereena seakan menjeling marah ke arah pengikut setianya itu.

Rihana dan Eilana terdiam seketika. Hati mereka berasa serba-salah. Sudahlah cuaca di luar sana panas, disuruh mengintip pula! Bagaimana pula harus mereka lakukannya supaya tidak disedari oleh Farah dan rakan-rakannya? **PENING!**





Srup! Srup! Srup! Zereena kembali menyedut Frapuccinonya.

"Oohhh... *This is so good...*" ujar Zereena untuk meliurkan Rihana dan Eilana.

"Hai, marilah Elle. *Let's get this over with!*" ajak Rihana.

Mereka berdua terus keluar dari situ untuk memenuhi impian Zereena yang hanya memerhatikan mereka berdua sambil tersenyum sinis.

Tiba di Smoothtea Cafe, Rihana dan Eilana mendapati Farah dan kawan-kawannya sudah pun berada di kaunter untuk membayar minuman mereka. Hati mereka sedikit hampa!

"Alamak! Mereka dah beredar. Apa kita nak beritahu Zee nanti?" Eilana mengeluh.

"*Wait!* Mungkin nasib kita baik," jawab Rihana pula sambil menjuihkan bibir ke arah meja yang baru sebentar tadi diduduki oleh Farah dan kawan-kawannya.

Di atas meja tersebut terdapat sekeping kertas. Tanpa berlengah, Rihana menarik tangan Eilana lalu mereka berdua menuju ke arah meja tersebut dan cepat-cepat mengambil kertas itu.





"Hah, *good news*, Elle," kata Rihana sambil matanya tertancap pada kertas itu.

"Pasti Zee akan suka apabila lihat benda ni! Jom kita pergi dari sini!" ajak Rihana setelah mengambil kertas itu.

"Eh, tunggu sekejap! Ini pun ada maklumat juga!" kata Eilana sambil mengambil sesuatu di atas meja itu.

Dengan itu, mereka berdua pulang semula ke Starbucks di mana Zereena sedang menanti dengan perasaan tidak sabarnya. Wajahnya jelas kelihatan berkerut.

"Lambat! Zee dah nak tinggalkan RiRi dan Elle tadi tau!" Zereena mendengus marah.

"Sorry, Zee. Anyway, we have something for you!"

Dia menyuakan kertas yang diambil dari atas meja Smoothtea tadi. Zereena merampasnya lalu membaca setiap perkataan yang tertera. Melihat senyuman yang mula meniti di bibir Zereena, Rihana berasa lega. Dia terus mengambil Frapucinno kepunyaannya dan menyedutnya. ALHAMDULILLAH! Leganya tekak...





"Oh... Jemputan ke Malam Hijab Vogue rupa-rupanya. Good job, RiRi!"

"Thanks!" jawab Rihana.

"Hmmm, Elle! Awak pula ada apa untuk saya?" kata Zereena sambil memandang kertas yang berada di tangan Eilana.

Belum pun sempat Eilana menjawab, Zereena terlebih dahulu sudah merampas kertas tersebut. Sebaik sahaja Zereena membaca kertas itu, wajahnya berubah.

"Eh, ini apa, Elle?" tanya Zereena sambil mengerutkan dahinya.

"Itu menu Smoothtea... Nampak sedapkan, Zee?" jawab Eilana dalam nada teruja.

"Elle!" marah Zereena.



"Hmmp!" Zereena mencampakkan kertas tersebut ke atas lantai biliknya.

Dia memerhatikan kertas yang berada di dalam tangan kirinya pula. Sekali lagi,





otaknya mengimbas kembali kejadian beberapa hari yang lalu...



"*Girls, ini invitation ke Makeover Party buat awak semua yang akan diadakan di bilik Farah pada hari Ahad ini. Khas untuk Pencarian HijabDiva Vogue. Datang, tau!*"

Zereena yang terdengar kata-kata itu diungkapkan ketika dia di kantin bersama Rihana dan Eilana tempoh hari, menjeling ke arah Farah. *Makeover Party? Pencarian HijabDiva Vogue? Apa maksudnya?*

Atas desakan hati yang terlalu ingin tahu, dia menuju ke arah Farah sambil diekori oleh Rihana dan Eilana. Terus sahaja dia merampas kad jemputan *Makeover Party* yang sedang diedarkan oleh Farah kepada kawan-kawannya.

"*Give me that!*" kata Zereena lantas cepat-cepat membaca intipati kad jemputan tersebut.





"Pffftt! Gals, tengok ni. *What a lame party!*"

Dia menunjukkan kad tersebut kepada Rihana dan Eilana. Ketiga-tiga mereka ketawa sebelum Zereena bertindak merenyukkan kertas tersebut dalam tangannya. Kemudian, dia mengajak Rihana dan Eilana berlalu dari situ. Farah memerhatikan *The Na-Na Gals* sambil menjungkitkan bahunya. Dia tidak akan membenarkan Zereena memusnahkan berita gembiranya.

"*Oh well, never mind,*" kata Farah.

"Nasib baik Farah ada *extra copies*. Nah, ini untuk awak, Shanel!" Farah memberikan kad jemputan itu kepada Shanel.

Apabila sudah agak jauh dari kantin, Zereena menghentikan langkahnya. Kertas yang dironyoknya tadi masih dalam genggamannya. Dia membuka semula kertas itu dan membacanya sekali lagi.

"Huh, *makeover party*, konon! *Benci!*" merah padam wajah Zereena menahan kemarahan.





Dari situ juga dia cuba menyelidik dengan lebih lanjut lagi tentang Pencarian HijabDiva Vogue.



Kini, tangannya memegang kembali kad jempunan tersebut. Kesan ronyokannya masih lagi ketara. Waktu itu juga, pintu biliknya diketuk berkali-kali. Zereena pantas turun dari katil lalu membuka pintu.

"Hi, Zee!" kata Rihana dan Eilana serentak.

"Hi, Gals! Come inside," Zereena mempelawa dua rakannya itu masuk ke biliknya.

"Hah, Zee. Ada apa awak jemput kami berdua ke sini?" soal Eilana.

"Yes, Zee. Not that we're complaining," celah Rihana pula.

"Makeover!" jawab Zereena pendek.

"Untuk menyertai Pencarian HijabDiva Vogue dalam FB."

"Hah?" Rihana dan Eilana agak terkejut, tidak faham.





Zereena menarik nafasnya sedalam mungkin sebelum menerangkan segala-galanya tentang apa yang telah dirancangkannya.

"So, kalau Farah boleh buat, *we can do better than her*," kata Zereena sesudah selesai menjelaskan kesemuanya.

"Zee tak akan beri dia peluang untuk menang!" Satu-persatu perkataan itu diungkapkan.

"Tapi..." Eilana seakan teragak-agak untuk menyertai pertandingan tersebut.

"Shhh..." Zereena memintas kata-katanya.

"Tak ada tapi! *Just do what I say! Okay?*"

"Okay..." jawab Eilana.

"Baiklah. *Make up is over here*. Segala jenis selendang di atas meja tu. Ada apa-apa soalan?" ujar Zereena sambil berjalan menuju ke arah sebuah meja.

"Er... Siapa yang nak solek dan gayakan tudung kami?" tanya Rihana.





"Hah, itu awak berdua lakukan sendiri. *I've got no time for you.* Zee pun harus cantik, tau! Buatlah suka hati awak. Yang penting... imej *The Na-Na Gals* harus dijaga, faham?"

"Faham!" jawab Rihana dan Eilana serentak.

Setelah satu jam berlalu, akhirnya Zereena dan Rihana sudah siap. Hanya Eilana sahaja yang masih terkial-kial dengan selendangnya.

Zereena mengenakan *inner* hitam yang menutupi leher dengan *turban* yang sungguh cantik. Berwarna-warni dan sungguh bergaya!

"Wah, cantiknya gaya awak, Zee!" puji Rihana.

"*Turban* lagi!" sambung Rihana.

"Eh, mestilah. Inikan *Queen Zee*?" jawab Zereena, bangga.

"Hah, *RiRi*, awak pun apa kurangnya? *Looking good!*" puji Zereena pula.

Rihana tersenyum malu. Bukan senang dia hendak menerima pujian sebegitu daripada Zereena. Berbaloi juga satu jam yang dihabiskan





untuk membentuk gaya selendang di kepalanya. Gayanya dihasilkan daripada dua helai selendang yang diikatkan bersama ke belakang. Hujungnya disisipkan ke tepi lalu diikat menjadi 'tocang' panjang. **KREATIF!**

"Hish, Elle. Dah siap ke belum? *Hurry up!*" ujar Zereena.

"Saya dah siap! Cantik tak?" Eilana berpusing di hadapan Zereena dan Rihana.

Zereena dan Rihana ternganga melihat Eilana. Dia memakai *inner* berwarna magenta. Anak tudung *lace* yang berwarna *turquoise* dipakainya sehingga menutup separuh dahi. Sehelai selendang yang berwarna oren diikatkan ke belakang sebelum dililitkan beberapa kali di kepala. Akhirnya, pelbagai kerongsang berlainan bentuk dipinkan di kepalanya. **OUTRAGEOUS!**

"Oh, *never mind!* Okeylah, cepat awak berdua. Kita harus mulakan *photo shoot!* **Now!**"





Bab 6
Vote The
Na-Na Gals!

Zereena mengerling ke arah jam tangan 'Juicee Couture'nya. Tinggal beberapa minit lagi sebelum waktu rehat. Dia mengetuk jari telunjuknya di atas meja seiringan dengan detik jarum saat. Tidak sabar rasanya hendak mendengar loceng berdering. Hari ini dia dan kawan-kawannya ada misi. Hendak berkempen! Wah, rasa seperti presiden pula!




Zereena, Rihana dan Eilana a.k.a The Na-Na Gals, telah mengatur strategi mereka sejak semalam lagi. Mereka bertiga sudah pun membincangkan tentang langkah-langkah yang harus diambil supaya orang ramai akan mengundi mereka. Promosi perlu kuat! Lebih banyak pendedahan yang dibuat, maka lebih cerahlah harapan mereka untuk memenangi pertandingan itu. Namun, dalam diam Zereena begitu pasti dialah yang akan dinobatkan sebagai HijabDiva Vogue!

Kringggggg! Akhirnya loceng yang dinanti-nantikan berbunyi juga.

"Gals, let's do this!" kata Zereena sebaik sahaja Eilana dan Rihana tiba di mejanya.

Lantas, mereka bertiga pun melangkah keluar dari kelas. Di tangan Eilana terdapat beberapa *flyers* yang telah dicetaknya. Arahannya telah diterima daripada Zereena semalam. Dia telah ditugaskan oleh Zereena sebagai *copywriter cum graphic designer* untuk kempen The Na-Na Gals. Niatnya supaya pelajar-pelajar di sekolah itu tahu yang mereka bertiga turut





menyertai pertandingan Pencarian HijabDiva Vogue. Yang paling penting adalah jumlah like yang diterima atas gaya yang telah mereka uploadkan di FB Pencarian HijabDiva Vogue!

Kini, Zereena mengambil salah satu daripada flyers tersebut lalu membaca isi kandungannya sekali lagi. Nampaknya, Eilana sudah tahu kemahuannya.



"Hmmm... Good job, Elle! Just what I wanted. Okey, sekarang awak berdua boleh mula edarkan flyers ini and I'll do the talking!" arahan baru daripada Zereena.

Eilana dan Rihana mengangguk, akur dengan setiap arahan Zereena. Mereka melihat di sekeliling sebelum menghampiri beberapa





kumpulan pelajar yang sedang menghabiskan waktu rehat mereka dengan aktiviti-aktiviti mereka sendiri.

"Hi, Vogues," sapa Zereena tatkala Rihana dan Eilana mengedarkan flyers itu kepada sekumpulan pelajar yang sibuk berkongsi cerita.

"Vote for us, okay?"

Pelajar-pelajar itu mengambil kertas tersebut lalu membaca apa yang tertera di atasnya. Setelah itu, mereka saling berpandangan.

"Oh, tak mengapalah. Kami dah tahu calon yang kami nak vote nanti. Sorry," jawab salah seorang daripada pelajar itu.

Lantas dia pun memulangkan semula flyer itu kepada Zereena. Kawan-kawannya yang lain pun turut berbuat demikian. Kemudian, mereka meminta diri lalu beredar dari situ meninggalkan The Na-Na Gals. Melopong ketiga-tiga mereka memerhatikan reaksi kumpulan itu. **UNBELIEVEABLE!**





Hati Zereena terus panas. Meluap-luap kemarahannya apabila dia dilemparkan dengan kata-kata sedemikian.

"Vote somebody else? Hello! Siapa yang lebih layak mendapat vote selain daripada Zee?" Zereena merenungkan beberapa keping flyer di tangannya.

"How dare, all of them! RUDE! Hmmpf! Nampak sangat mereka tidak pandai menilai seorang HijabDiva! RiRi, Elle... Come on! Kita cari supporters yang lain di kantin!"

Dengan pantas, *The Na-Na Gals* menuju ke kantin. Sewaktu mereka tiba di sana, Zereena mendapati Farah sedang duduk di situ bersama kawan-kawannya. Hah, bagus! Inilah masanya dia hendak menunjuk! Pasti Farah akan terkejut melihat dia pun turut bertanding.

"Vote for The Na-Na Gals untuk Pencarian HijabDiva Vogue. Because we are the real HijabDivas!" katanya dengan lantang sambil menyerahkan flyers kepada semua pelajar di situ.





Farah yang sedang makan donat ketika itu hampir tersedak apabila mendengar kata-kata yang keluar dari mulut Zereena. Langsung dia tidak sangka bahawa Zereena juga turut bertanding!

“Uhuk, uhuk!” Farah terbatuk sambil mengusap-usap dadanya.

“Oh, kesiannya awak Farah,” sindir Zereena lalu berbisik di telinganya.

“Kenapa? Tak percaya kami pun bertanding? *Well, news flash... Bersedialah untuk dikalahkan! Loser!*”

The Na-Na Gals ketawa lantas berlalu dari situ untuk menyambung misi mereka. Ah, sungguh puas rasanya dapat menyakiti hati orang yang cukup dibenci! **PUAS!**



“Now... Masa untuk tengok FB!” kata Zereena sebaik sahaja pulang dari sekolah.

Dia pun pergi mengambil laptopnya dan terus membuka laman FB. Dari tadi lagi memang



hatinya sudah berkobar-kobar. Tidak sabar hendak melihat jumlah orang yang sudah 'like' gambar The Na-Na Gals. Setelah berhempas pulas mengedarkan flyers di sekolahnya tadi, dia pasti bahawa The Na-Na Gals akan mendapat undian yang terbanyak!

Bad news! Sebaik sahaja meneliti page Pencarian HijabDiva Vogue itu, dia merengus. The Na-Na Gals memperolehi 0 'like'! Baik Rihanna, Eilana mahupun dirinya sendiri! Zero!

"What? Ini tak boleh jadi!" marah Zereena.

Dia terus klik untuk melihat kemajuan peserta-peserta yang lain. Setakat ini, Farah mendahului dengan 20 'like'.

"Argggghh!!! Farah lagi!"

Tapi kali ini dia tidak cepat melenting. Seperti ada sesuatu yang menyuruhnya agar bertenang.

"Okay, relax Zee," Zereena menurut kata hatinya lalu menarik nafas.

Dia duduk di birai katilnya sambil merenung jauh ke arah luar tingkap. Otaknya





ligat memikirkan strategi seterusnya. Setelah mendapat jalan penyelesaian, dia mencapai telefon pintarnya.

"Hi, Elle! I want you to do something for me! Fast!"



Keesokan harinya, sekali lagi The Na-Na Gals menyusun strategi pada waktu rehat. Jika semalam kempennya kurang mendapat sambutan untuk menambat hati pengundi, hari ini pasti menjadi kerana kali ini Zereena punya *back up plan!* *Back up plan* yang menjanjikan sukses!

Dia tersenyum puas sambil membaca *flyers* yang baru diubah oleh Eilana semalam. Intipati dan *design*nya hampir serupa dengan *flyers* sebelum ini. Cuma yang berbeza adalah penambahan ayat. *The magic words* untuk menarik para pengundi.





VOTE 4 The Na-Na Gals!

ZEREENA @ ZEE

RIHANA @ RIRI

EILANA @ ELLE

HADIAH RM500 MENANTI ANDA!

APA YANG HARUS ANDA LAKUKAN ADALAH

Like us at <http://www.fb.com/PencarianHijabistaVogue>

THANKS! MUAAHHH !!!

"Zee, you did it again! Pasti kali ini rancangan Zee berjaya!" Zereena berkata sendirian.

"What did you say, Zee? Macam awak ada berkata sesuatu?" soal Eilana.

"Errr... Tak ada apa-apalah," jawab Zereena.

"Anyway, Zee, idea awak ni memang hebat! Bayar orang supaya vote untuk kita! Genius!" puji Rihana sambil tersenyum memandang Zereena.



"Betul, betul! So, apa kita nak buat sekarang ni?" soal Eilana.

"*What else?* Pergilah edarkan flyers tu! Jangan tunggu-tunggu lagi!" arah Zereena dengan tegas.

Maka dengan itu, bermulalah kempen *Vote For The Na-Na Gals Part 2*. Mula-mula sekali, Zereena mengajak Rihana dan Eilana pergi ke arah sekumpulan pelajar yang sedang duduk bersebang.

"Zee!" Rihana menarik lengan Zereena.

"Itu kan pelajar yang tak berminat nak vote kita semalam. Tak kan kita nak jumpa dia lagi? Nanti dia kata kita tak tahu malu pula," kata Rihana.

"*I know! But trust me... This time it's going to be different!*" jawab Zereena dengan yakinnya.

Lantas, Zereena meneruskan langkahnya tanpa mempedulikan kata-kata Rihana. Rihana dan Eilana memandang antara satu sama lain dengan wajah yang serba-salah. Tanpa berkata apa-apa lagi, mereka terus mengekori Zereena.





"Hi, girls!" kata Zereena sambil menyuakan flyers tersebut.

"Vote 4 The Na-Na Gals?"

Pelajar-pelajar itu memandang Zereena yang seakan-akan sudah hilang akal. Flyers yang dihulurkan oleh Zereena dibiarkan tanpa disambut.

"Oh, girls! Anda mungkin mahu membaca ini," sambung Zereena lagi.

Sebaik sahaja mendengar kata-kata Zereena, mereka terus mengambil flyers tersebut. Sebaik sahaja membaca apa yang tertera, wajah mereka yang tadinya menunjukkan perasaan jengkel terus bertukar. Masing-masing tersenyum manis!

"Oh, of course! Kami akan vote The Na-Na Gals!" kata salah seorang daripada mereka.

Kesemua pelajar itu mengangguk dengan bersungguh-sungguh. Berbeza betul reaksi mereka hari ini berbanding dengan semalam!

"Good!" kata Zereena, berpuas hati kerana rancangannya berjaya.

"RiRi... Elle, let's go."





Mereka bertiga pun berkira-kira hendak beredar, namun Zereena tiba-tiba sahaja berpaling semula ke arah kumpulan pelajar itu.

"Oh, ya! Kalau awak semua hendak duit RM5 tu, jumpa saya di Starbucks petang ini pada pukul dua. Bawa flyer ini dan sertakan nama FB anda. Selepas awak semua 'like' barulah boleh tebus hadiah! See you there!" kata Zereena.



Petang itu, tepat pukul dua petang, Zereena sudah berada di Starbucks bersama Rihana dan Eilana. Mereka telah memilih tempat duduk yang paling hujung sekali. Jauh daripada semua orang. Hari ini mereka memerlukan *privacy*!

Di atas meja itu, terletak laptop Zereena. Sebelum dia ke sekolah, dia sudah pun membawa laptop itu dan meninggalkannya di dalam kereta yang dipandu oleh Pak Meon. Kini, Pak Meon dengan sabar menunggu anak majikannya di luar café itu. Dia sudah biasa melakukan hal yang sedemikian. Kadangkala,





dia terpaksa menunggu selama tiga atau empat jam sehingga Zereena selesai bershopping! Apa boleh buat, itulah salah satu tugas yang harus dipikulnya selaku pemandu keluarga Datuk Zaidi!

Zereena menunggu dengan setia. Tidak lama kemudian, empat orang pelajar masuk ke dalam café itu lalu menuju ke arah Zereena, Rihana dan Eilana.

"Hi, Na-Na Gals! Kami nak tebus hadiah!" kata mereka serentak.

Tanpa menunggu lebih lama, Zereena menerangkan cara-cara untuk mendapatkan RM5 itu!

1. Sign in ke FB masing-masing.
2. Klik butang 'like' pada gambar The Na-Na Gals pilihan anda. Anda boleh 'like' ketiga-tiga Na-Na Gals jika mahu tetapi anda wajib 'like' Zereena! (Tiada toleransi).
3. Setelah itu, barulah anda layak menerima hadiah wang tunai.





Dalam beberapa minit sahaja, tiba-tiba café itu menjadi agak sesak dengan pelajar-pelajar yang ingin berjumpa dengan Zereena. Kerana tidak mahu sesiapa mengesyaki aktivitiinya, Zereena mengarahkan agar mereka masuk bertemu Zereena secara berlima-lima orang dalam setiap satu masa. Yang selainnya hanya sabar menunggu sahaja di luar Starbucks. Seperti yang telah dijangkakan, sambutan yang diterimanya sungguh menggalakkan! **GEMBIRA!**

Setelah satu jam berlalu, akhirnya Zereena menutup laptopnya. Selesai kerjanya buat hari ini! Sebenarnya, ada beberapa orang lagi yang hendak mengundi untuk *The Na-Na Gals*. Tetapi kerana kehabisan wang, dia terpaksa menyuruh mereka semua datang semula esok petang. Wang sebanyak RM200 yang berada di dalam dompetnya tadi sudah habis digunakannya. Tapi tidak mengapa, berbaloi setiap sen yang dikeluarkan hanya untuk memenangi Pencarian HijabDiva Vogue! Nampak sangat duit adalah segala-galanya pada zaman sekarang. Walaupun hanya RMS,





namun mereka tetap hendak mengejarnya juga.
Duit bukan senang hendak dicari!

Zereena mengukir senyuman lebar di bibirnya. Kali terakhir dia melihat jumlah undian *The Na-Na Gals* tadi, inilah keputusannya:




MEMBERANGSANGKAN! Nampaknya, dia sudah berjaya ke hadapan dan meraih undian yang paling banyak! Good! Lebih banyak daripada Farah. Ini menunjukkan, dengan jumlah 40 orang pun sudah cukup untuk permulaan buat hari ini. Jika begini, dia akan meneruskan kempenya sehinggalah ke hujung minggu. Hatinya ketawa apabila melihat orang yang sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan *free money*! Duit tidak datang bergolek dari langit!





Kini, apa yang harus dilakukannya adalah mendapatkan wang yang lebih untuk terus meraih undi. Mujurlah dia tahu cara hendak memujuk *mommy* dan *daddy* untuk mendapatkan wang itu!





Sekilas tentang *VOGS Fashion Club (VFC)*!

Fashion club merupakan salah sebuah kelab eksklusif yang ditawarkan di *VOGS*. *Fashion club* ini diadakan sebagai cabang kepada kursus *fashion and design* yang ditawarkan di *Victoress University College (VUC)*, institut pengajian tinggi di bawah



naungan Victoress Schools Sdn. Bhd. Ahli-ahli fashion club diajar serba-serbi tentang dunia fesyen. Daripada segi lakaran, rekaan pakaian sehinggalah kepada proses menjahit pakaian. Semuanya diajar di kelab itu. Di samping itu, mereka juga diajar untuk membuat aksesori sendiri. Pendek kata, *from head to toe!*

Antara kelebihan-kelebihan yang dapat dinikmati sebagai ahli VOGS fashion club adalah...



JEMPUTAN KE ACARA PERTUNJUKAN FESYEN
YANG BERTARAF TINGGI.
*
PENDEDAHAN DAN PEMBABITAN SECARA
PRAKTIKAL SEWAKTU NATIONAL FASHION WEEK.
*
PAKAIAN DAN AKSESORI YANG DIHASILKAN OLEH
AHLI-AHLINYA BOLEH DIJUAL KEPADA PARA PELAJAR DAN
GURU-GURU UNTUK MENDAPATKAN WANG SAMPINGAN.
*
PELUANG MENDAPAT BIASISWA PENUH DALAM
JURUSAN FASHION AND DESIGN COURSE DI
VICTORIA UNIVERSITY COLLEGE BAGI AHLI-AHLI YANG AKTIF
DAN CEMERLANG! *DEFINITELY AWESOME!*

- SENARAI AHLI-AHLI JAWATAN KUASA
VOGUE FASHION CLUB (VFC) BUAT TAHUN INI IALAH...
- | | |
|----------------|--|
| PRESIDEN | : CHE CHANTEK BT. CHE ZAIN |
| NAIB PRESIDEN | : ROZALLYN BT. AHMAD ROSLI |
| SETIAUSAHA | : SHARIFAH SHEREEN BT. SYED SALAHUDDIN |
| BENDAHARI | : SITI KAMARIA BT. MOHD. ALI |
| GURU PENASIHAT | : PUAN WAN ANITA BT. WAN ISMAIL |



Che Chantek atau lebih mesra dipanggil sebagai Cee Cee di kalangan kawan-kawannya, duduk di bilik mesyuarat VFC. Sekarang adalah waktu rehat. Sepatutnya dia sedang berada di kantin. Tetapi hari ini ada sedikit masalah yang dihadapi oleh VFC. Wajahnya yang berkerut jelas menunjukkan bahawa dia sedang memikirkan jalan penyelesaian.

Yang duduk di hadapannya ialah Rozallyn, naib presiden kelab itu merangkap pembantunya. Dia juga dalam kebimbangan. Petang semalam, mereka berdua telah menerima satu berita yang kurang baik. Malang tidak diduga. Syasya Haryani, salah seorang daripada orang penting yang terbabit dalam Malam Hijab Vogue, telah kemalangan. Dia terjatuh ke dalam longkang sewaktu berbasikal dan kakinya tercedera.

Sewaktu mereka berdua melawatnya di hospital semalam, keadaannya stabil. Hanya kakinya sahaja yang terpaksa menjalani rawatan setiap masa. Yang lainnya dalam keadaan baik. **LEGA!**





Cuma, doktor telah memberinya cuti rehat selama dua minggu supaya kakinya dapat sembuh sepenuhnya. Di sinilah masalahnya kerana Malam Hijab Vogue akan diadakan lebih kurang dua minggu sahaja lagi dari sekarang! Oh, dilema!

Ketika melawat Syasya, mereka berdua tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda gusar. Namun di dalam hati masing-masing sebenarnya sudah resah!

"Jadi, bagaimana sekarang, Cee Cee?" tanya Rozallyn setelah masing-masing lama membisu.

"Mungkin tanpa Syasya tidak akan menjejaskan pertunjukan fesyen itu nanti.." sambung Rozallyn.

"Lynn, awak kena ingat. Syasya tu sepatutnya berperanan sebagai head stylist kita sempena Malam Hijab Vogue. Kalau dia tak ada, siapa yang akan takeover tugasnya?"

"Pada pendapat Lynn, Diana juga tak kurang hebatnya. Mungkin dia boleh gantikan tempat Syasya. What do you think?" jawab Rozallyn.





"Betul juga kata awak tu, Lynn. Okey, Diana akan kita jadikan *head stylist*. *But we still have one problem*. Kita ada 50 orang peserta dan sekarang kita hanya tinggal tiga orang sahaja *stylist* termasuk Diana. *Not enough!*" Che Chantek kelihatan semakin gelisah.

"Hmmm, *that's right*. Kesemua ahli *fashion club* sudah ada tugas masing-masing," Rozallyn juga kelihatan runsing.

"Lynn, awak kenal tak siapa-siapa yang boleh jadi *stylist* untuk kita? Seseorang yang boleh menggayakan tudung dengan stail kreatif dan *fashionable*. Tak kisahlah kalau dia bukan ahli kelab. Kita pun dah kesuntukan masa," soal Che Chantek.

Rozallyn terdiam. Dia berfikir panjang tentang soalan yang telah diajukan oleh Che Chantek itu. Setelah beberapa ketika, dia memetik jarinya. Dah dapat!

"Ha! Mungkin Farah Farihah orangnya! Dia seorang junior dan juga kawan FB adik saya, Sofie. Hari tu, Sofie ada tunjukkan saya gambar-gambar Farah yang ingin jadi





HijabDiva Vogue. Kagum juga saya tengok gaya-gaya yang ditonjolkan. Semuanya fashionable and chic!" Bersungguh-sungguh Rozallyn memberitahu.

"Really? Kalau begitu, awak tolong cari dia sekarang. Pesan kepadanya bahawa saya ingin berjumpa dengannya di sini selepas waktu sekolah nanti ya," ujar Che Chantek yang sungguh teruja.

"Insya-Allah! Saya akan usahakan," kata Rozallyn lalu dia beredar dari situ untuk mencari Farah.



"Assalamualaikum, awak Farah Farihah, bukan?" Tiba-tiba seseorang menegur Farah.

Sewaktu soalan itu diajukan kepada Farah, dia sedang menikmati sepinggan spaghetti bolognaise di kantin. Mulutnya comot dengan sos tomato. Semua kawan-kawannya yang berada di situ, juga menoleh ke arah orang itu. Tyra terus tergamam. Dia menyiku Farah.





"Eh, Farah! Itu Rozallyn. Naib presiden *fashion club!*" bisik Tyra.

Farah cepat-cepat mengelap mulutnya yang comot itu.

"Walaikumussalam! Ya, saya Farah. Kenapa, ya?"

"Begini... Awak ada masa tak lepas waktu sekolah nanti? Che Chantek, presiden *fashion club* ingin berjumpa dengan awak petang ini. Boleh kan?" soal Rozallyn.

"Oh, boleh. Tentu sekali!" jawab Farah sambil mengangguk berkali-kali.

"Baguslah kalau begitu. Kami akan tunggu awak di bilik mesyuarat *fashion club* petang ini. Jangan lupa, ya!" ujar Rozallyn lagi.

Setelah itu, Rozallyn terus beredar dari situ. Tyra memandang Farah dengan penuh tanda tanya. Farah membalas pandangan itu dengan riak wajah yang serupa. *Clueless!*

"Eh, Farah! Kenapa pula Che Chantek nak berjumpa dengan awak?" soal Tyra kehairanan.

"Saya pun tak tahu," jawab Farah, pelik.





Tanpa disedari oleh Farah dan kawan-kawannya, Rihana telah mendengar perbualan di antara Rozallyn dan Farah di kantin. Kebetulan, pada waktu itu dia berada di situ untuk membeli air. Kini, dia lekas kembali ke meja di mana Zereena dan Eilana sedang duduk.

"Zee! Zee! Hot story!" katanya tidak sabar hendak memberitahu hal itu.

Dengan perasaan tidak sabar, Rihana pun menceritakan perbualan yang baru didengarnya tadi. Zereena mendengar dengan penuh minat.

"Thanks, RiRi! I'll find out about it!" ujar Zereena.



Petang itu, setelah sesi persekolahan tamat, Farah bergegas ke bilik mesyuarat fashion club. Hatinya berdegup kencang! Berdebar-debar sungguh! Dup dap! Dup dap!

Bagaikan tidak percaya dia akan berjumpa dengan Che Chantek. Pelajar senior



itu memang popular. Orangnyanya memang cantik. Sesuailah dengan namanya! Selain itu dia juga pelajar yang cemerlang dalam akademik. Seorang A student!

Tok, tok, tok! Farah mengetuk pintu tatkala dia tiba di hadapan bilik mesyuarat.

"Come in!" panggil suara dari dalam bilik itu.

Farah membuka pintu itu lalu menjenguk ke dalam. Wah, ramai juga! Che Chantek dan Rozallyn sedang duduk di sebuah meja. Selain mereka, terdapat empat lagi pelajar yang sedang duduk di kerusi. Tanpa berlengah lagi, Farah menguatkan semangat lalu menuju ke arah Che Chantek.

"Assalamualaikum, semua. Selamat petang," ucap Farah.

"Waalaikumussalam!" jawab semua yang berada di situ, serentak.

"Kak Chantek..." Farah mula menuturkan kata-katanya.

"Panggil saja saya Cee Cee. Awak Farah, bukan?" Che Chantek cepat-cepat mencantas ayat Farah sambil tersenyum manis.





"Ya," jawab Farah ringkas.

"Begini, Farah. Tujuan saya memanggil awak ke sini..."

Lantas, dia pun menceritakan tentang apa yang telah berlaku dalam *fashion club* kebelakangan ini. Farah hanya membisu sambil tekun mendengar penjelasannya.

"Oleh itu, saya hendak jadikan awak *stylist* kami untuk pertunjukan fesyen pada Malam Hijab Vogue," ujar Che Chantek.

"Sa... Sa... Saya?" Farah teragap-agap sebaik sahaja mendengar tawaran itu.

"Pertunjukan fesyen Malam Hijab Vogue?" soal Farah lagi, terkejut.

"Ya! Tapi, sebelum itu, awak harus buktikan kepada saya yang awak boleh menghasilkan gaya tudung yang kreatif, *trendy*, *fashionable* tetapi masih lagi sopan dan elegan. Boleh?" soal Che Chantek.

"Boleh, Cee Cee," jawab Farah dengan penuh rasa yakin.

"Bagus! Kalau begitu, di sini ada empat orang model untuk awak. Dan kami juga telah





sediakan pelbagai jenis tudung," Che Chantek menjelaskan dengan lebih lanjut lagi.

"Saya nak awak jadikan mereka HijabDiva. Masa awak bermula sekarang!"

Pada mulanya Farah tergamam. Semua ini berlaku terlalu pantas! Namun, dia cepat-cepat mengumpulkan segala semangatnya lalu mula melakukan apa yang dipinta. Dengan aksi yang pantas dan cekap, dia menggayakan setiap seorang daripada model-model itu dengan stail tudung yang berbeza. Che Chantik dan Rozallyn hanya membisu sambil memerhatikan gerak-gerinya. Sekali-sekala, mereka akan berbisik antara satu sama lain.

Setelah setengah jam berlalu, akhirnya kerja Farah selesai. Che Chantek menilai seorang demi seorang dengan gaya tudung yang dikenakan pada mereka.

"Wow, semuanya menepati cita rasa saya dan *fashion club*. *Well done, Farah! You got the job!*"

Farah seakan tidak percaya dengan apa yang baru didengarnya tadi! Alhamdulillah!





Che Chantek dan Rozallyn terus menerangkan tentang peranannya sebagai *stylist* dan tugas yang harus dilakukannya dari sekarang sehinggalah Malam Hijab Vogue itu nanti.

Setelah selesai, Farah menuju ke kantin di mana Qiy sedang menantinya.

Sedikit pun dia tidak sedar kehadiran Zereena di luar bilik mesyuarat itu. Rupa-rupanya, sejak dari tadi lagi, Zereena sudah menyaksikan segala-galanya. Segala perbincangan di dalam bilik itu pun telah didengarinya!

"Arggghhh! *This is totally unfair!*"
rengus Zereena.





Bab 8

Plan Zee

Setibanya di rumah, Zereena terus naik ke biliknya. Buka sahaja pintu bilik itu, dia disambut dengan hembusan udara sejuk penghawa dingin yang sentiasa terpasang pada suhu yang paling rendah. Bagus! Sekurang-kurangnya dapat menyejukkan dirinya sedikit ketika hati sudah di tahap menggelegak!



Setelah mencampakkan beg sekolah ke atas lantai, dia rebah di atas katilnya. Siasia sahaja dia pulang lewat hari ini! Semuanya gara-gara ingin mengetahui sebab presiden *fashion club* hendak berjumpa dengan Farah. Rupa-rupanya hendak menawarkan tugas sebagai *stylist*! Menyampah!

"Argghhhhhhhh!!!" jerit Zereena sekuatkuatnya bagi melepaskan geram yang terbuku di dadanya dari tadi.

Habis menjerit, dadanya terasa agak lapang sedikit. Pada masa yang sama, kedengaran orang mengetuk pintu biliknya bertubi-tubi seakan-akan dalam keadaan yang sungguh cemas!

"Miss! Miss!" Terbit suara bibik dari sebalik pintu itu.

"Ada apa, sih? Kenapa ribut-ribut! Ayuh, buka pintunya!"

Pada mulanya, Zereena hanya mendiamkan diri dan mengharapkan agar bibik pergi dari situ. Tetapi apabila mendapati bibik masih tidak berputus asa dan membebel





tidak henti-henti, dia bangun dari katilnya lalu membuka pintu. Di luar, bibik memandangnya dengan wajah yang sudah panik. Hampir pucat!

"Ya, ampun! *Miss*, kamu enggak apa-apa?"

"Hmm!" jawab Zereena malas.

"Waduh, waduh. Bikin bibik kaget tadi!" kata bibik lagi sambil mengelap peluh di dahi.

"Hish! Jangan bising-bising boleh tak bibik? Buat saya lagi peninglah!" kata Zereena sambil mengerutkan dahinya.

"Oh, *miss* pusing kepalanya ya? Biar bibik ambilkan ubatnya," ujar bibik lalu dia terus menuruni tangga.

"Eeessh!" marah Zereena lalu terus menghempas pintu biliknya.

Macam-macam hal yang berlaku! Semua ini membuatkan Zereena bertambah tertekan! Zereena termangu sebentar. Hanya ada satu sahaja cara untuk mengubati tekanannya itu. Lantas, dia mencapai telefon pintarnya lalu jari jemarinya pantas mendail nombor yang telah terpahat dalam memorinya... 1200-12-1200...





"Hello, MaRD! I'd like to order two set of spicy fried chicken, Nine pieces nuggets, extra large fries, extra large soft drinks, strawberry icecream and an apple pie!"

Setelah mematikan talian telefon, barulah dia terasa tenang sedikit. Tiada apa yang mampu menceriaikan hatinya kini selain daripada makanan yang berlemak, bergoreng dan dessert yang manis! **TIDAK SIHAT!**

"Okey, sementara menunggu pesanan sampai, bolehlah Zee fikirkan apa yang harus dilakukan untuk menjatuhkan Farah!"



"Wah, Qiy masih tidak percaya! Farah dipilih menjadi *stylist* VFC! *Best!*" Qiy masih teruja setelah mendengar berita gembira itu.

"Iyalah, Qiy. Farah pun begitu! Esok petang, bermulalah tugas Farah sebagai *stylist* untuk Malam Hijab Vogue! Ala... Kalau kita sama-sama jadi *stylist* kan *best?*"

"Hish, tak mahulah! Qiy lebih suka ambil gambar!" ujar Qiy.





"Qiy! Awak baru saja berikan Farah idea!" kata Farah secara tiba-tiba.

"Idea lagi? Dear, Farah... Apalah agaknya idea awak kali ini?" ujar Qiy sambil menepuk dahinya.

"Begini, sudi tak kalau Qiy recordkan saat-saat Farah menjadi *stylist* untuk VFC? Please?"

"Hah, maksud Farah, macam dalam *reality show*?" soal Qiy.

"Ha! Lebih kurang begitulah! Bolehlah, ya, Qiy? Saat ni sungguh bermakna buat Farah. Bolehlah Farah menyimpannya sebagai kenangan!"

Qiy termangu seketika memikirkan permintaan Farah. Bagus juga idea yang dicadangkannya. Lagipun, beberapa bulan yang lalu, ibu dan ayahnya telah menghadihkan sebuah *camcorder* sempena hari jadinya. Sehingga sekarang, dia masih belum lagi sempat menggunakannya. Nampak gayanya, inilah peluang yang terbaik untuk menunjukkan bakat!





"Baiklah, Farah. Qiy setuju!"

"Yeay!" teriak Farah dengan gembira.

"Okey, kita mulakan produksi petang esok!"



Sepanjang hari-hari yang berikutnya, semua berjalan lancar buat Farah. Setiap hari, pasti dia akan menghadiri mesyuarat VFC. Di situ, dia akan membincangkan tentang stail tudung-tudung yang akan dipamerkan bersama-sama dengan *head stylist* ataupun *stylist* yang lain. Semua perancangan tentang Malam Hijab Vogue harus dibincangkan secara terperinci. Tambahan lagi jika acara itu semakin hari semakin dekat. Serba-serbi harus tip top!

Selain dirinya, Tyra juga sibuk dengan latihan *catwalk* di *runway*. Sungguh pun latihan itu agak membolehkan, namun ternyata dia seronok dapat menimba pengalaman itu! Terasa seperti membuat *fashion show* di Milan, Paris dan London!





Qiy juga turut berada di situ sepanjang masa. Tetapi tiada kena-mengena dengan VFC. Seperti yang telah dirancang, dia di situ untuk merakamkan detik-detik Farah sebagai stylist dan pembabitannya dalam acara Malam Hijab Vogue! Terdahulu, Farah telah pun meminta kebenaran daripada Che Chantek tentang rakaman itu. Mujur presiden fashion club itu membenarkannya! Tetapi, dengan syarat jangan sampai mengganggu tugasannya!

Zereena pula, sejak kebelakangan ini tidak banyak kerenah. Selain daripada aktiviti memancing undi, dia dan dua ahli The Na-Na Gals yang lain sudah jarang menonjolkan diri. *Not that anyone is complaining!* Sungguh tenang rasanya apabila The Na-Na Gals tiada untuk mengutuk dan merendah-rendahkan pelajar-pelajar lain!

Namun dalam diam, selain daripada The Na-Na Gals, tiada sesiapa pun tahu bahawa Zereena sudah punya rancangan yang mampu menyingkirkan Farah daripada VFC dan Malam Hijab Vogue. Zereena hanya menunggu masa





dan keadaan yang sesuai sahaja untuk terus bertindak.

Mengikut rancangan, masa itu akan tiba pada dua hari sebelum pertunjukan fesyen Malam Hijab Vogue. Nantikanlah...



Zereena sedang duduk di dalam keretanya. Kereta mewah itu terparkir di luar sekolah dan enjinnya dibiarkan hidup. Pak Meon hanya sabar menunggu sambil membaca surat khabar di tempat duduk pemandu. Dia sedang menunggu arahan selanjutnya daripada anak majikannya itu.

Sebenarnya, Zereena sedang menanti ketibaan Farah. Dari tadi, matanya asyik memerhatikan pelajar-pelajar yang keluar dan masuk perkarangan sekolah itu. Dia mengeluh tatkala melihat Farah masih belum muncul lagi. Hish! Lewat sungguhlah!

Tanpa diketahuinya, hari ini Farah memang balik lebih lewat daripada biasa. Ini kerana dia semakin sibuk hendak menyiapkan





tugasnya. Maklumlah, tinggal dua hari sahaja lagi!

Zereena hampir berputus asa. Namun, apabila dia melihat kelibat Farah keluar dari pagar sekolah bersama Qiy, Zereena tersenyum lebar. Akhirnya!

"Hah, Pak Meon, ikut mereka berdua! Cepat!" arah Zereena.

Pak Meon akur lalu mengekori Farah dan Qiy secara perlahan-lahan dari belakang. Kenapa dia disuruh berbuat demikian tidak pula diketahuinya. Jika banyak bertanya nanti, silap-silap kena pecat!

"Hah, sekarang, berhenti betul-betul di sebelah mereka!" arah Zereena lagi.

Pak Meon pun lakukan apa yang disuruh lalu memberhentikan kereta itu betul-betul di sisi Farah dan Qiy yang sedang berjalan perlahan-lahan untuk pulang ke rumah. Hairan mereka melihat kereta mewah dengan tingkapnya bertinted berhenti di situ. Tingkap di bahagian belakang kemudiannya diturunkan dan wajah Zereena tiba-tiba muncul. Dia





melontarkan senyuman kepada Farah dan Qiy. Mereka berdua hanya membalas senyuman itu dengan wajah yang pelik.

"Farah, Qiy! Awak berdua nak pulang ke? Marilah saya hantarkan!" pelawa Zereena.

Terkejut Farah dan Qiy apabila mendengar kata-kata Zereena. Tak percaya! Dalam fikiran masing-masing tertanya, adakah orang yang sedang bercakap dengan mereka itu benar-benar Zereena ataupun klon? Melihat kekeliruan pada wajah mereka berdua, Zereena tersenyum.

"Farah, Qiy... Zee ikhlas ni. Marilah. Lagipun ada sesuatu yang harus saya cakapkan pada awak, Farah."

Farah termangu sebentar. Hendak terima atau tidak pelawaan Zereena itu? Melihat keikhlasan yang terpancar di wajahnya, akhirnya Farah mengalah.

"Okey. Marilah, Qiy! Thanks, Zee!" Farah terus menarik lengan Qiy.

Mereka berdua pun masuk ke dalam kereta itu. Walaupun Qiy berasa ragu-ragu,





namun dia ikut sahaja. Buat seketika, masing-masing membisu. **AWKWARD!**

"Farah, sebenarnya Zee nak minta maaf pada awak dan juga Qiy. Zee sedar selama ini Zee melayan awak berdua dengan buruk," ujar Zereena dalam nada merendah diri.

Ternganga Farah dan Qiy mendengar kata-kata tersebut.

"Semenjak nenek yang tersayang pergi meninggalkan kami, saya semakin insaf. Hidup ini terlalu singkat untuk kita bermusuhan-musuhan," ujar Zereena lagi.

"Apa, Zee? Maksud awak, nenek awak..." Farah terkejut mendengar kata-kata Zereena.

"Ya, nenek saya dah tak ada," kini Zereena menitikkan air mata.

"Sebenarnya, saya ada sesuatu nak minta pertolongan awak, Farah," ujar Zereena lagi sambil mengelap air matanya dengan sehelai sapu tangan.

"Just tell me. Mana tahu jika saya dapat menolong," jawab Farah.

"Nenek saya meninggalkan banyak koleksi kerongsang antiknya untuk saya. Saya





tahu awak terlibat dalam pertunjukan fesyen Malam Hijab Vogue. Jadi, Zee fikir mungkin Farah boleh pakaikan koleksi kerongsang itu pada model-model VFC. Biar semua nampak kecantikannya. *It would mean so much to her!*"

"Oh, apa salahnya? *I will gladly do it!*" jawab Farah dengan rasa berbesar hati.

"Really? Terima kasih, Farah!"

Dengan itu, dia menghadiah sebuah pelukan erat buat Farah. Sekali lagi Farah tergamam!

"Ah, apa kata kita pergi ke rumah Zee, sekarang? Bolehlah Zee pinjamkan koleksi kerongsang nenek Zee tu!" ujar Zereena

Farah dan Qiy mengangguk. Lagi cepat Farah mendapatkannya, lebih senang dia hendak mengaplikasikannya pada model-modelnya.

Dengan itu, mereka berdua pun mengikut Zereena pulang ke rumah. Sebaik sahaja tiba, Zereena meminta agar bibik menyediakan minuman buat tetamu-tetamunya. Sementara itu, dia naik ke atas dulu untuk mengambil koleksi kerongsang yang dijanjikannya tadi.





"Eh, Farah! Apa dah jadi dengan Zee tu? Boleh percaya ke ni?" bisik Qiy.

"Shhh... *Let's just give her a chance,*" jawab Farah.

Qiy hanya menjungkit bahu. Dia mencapai *camcorder* dari dalam begnya. Detik-detik ini pun harus dirakamkan. *Once in a lifetime!*

Kebetulan pada waktu itu juga, Zereena turun ke bawah. Di tangannya terdapat sebuah kotak.

"Hah, inilah koleksi kerongsang yang Zee katakan tadi. Cantik tak?" soal Zereena.

Farah menjenguk ke dalam kotak itu. Di dalamnya tersusun pelbagai bentuk kerongsang. Kesemuanya kelihatan eksklusif dan mahal!

"Memang cantik! Tapi, betul ke Zee nak pinjamkan semua ni? Semuanya nampak berharga!" soal Farah sedikit ragu-ragu.

"Memang berharga pun," jawab Zereena.

"Tapi Zee percaya Farah mampu menjaganya. Selepas pertunjukan fesyen tu nanti, Farah pulangkan la semua kerongsang





ini semula. Nah, ambillah. *No worries!*" ujar Zereena.

"Kalau begitu, baiklah. Farah akan jaga kerongsang ni dengan baik," ujar Farah sambil mengambil kotak itu.

Kemudian, Zereena rancak bercerita tentang pemergian neneknya. Zereena pandai berlakon. Air matanya juga hanya lakonan.

"Zee, rasanya dah lewat sangat ni. Kami minta diri dulu, ya?" ujar Farah.

"Oh... Okey! Biar Zee suruh Pak Meon hantarkan awak berdua, ya?" ujar Zereena.

Farah dan Qiy mengangguk setuju. Kebetulan juga cuaca kelihatan mendung. Takut-takut hujan pula. Setelah Farah dan Qiy pulang, Zereena tersenyum sinis. Nampaknya, rancangannya setakat ini berjalan dengan lancar. Dia memikirkan semula tentang babak air mata yang dilakonkannya tadi. Hah, sememangnya dia boleh memenangi award '*Best Actress of The Year!*'





Bab 9
*Kerongsang
Berlian*

Hari ini hari Sabtu. Hanya tinggal satu hari sahaja lagi sebelum menjelang Malam Hijab Vogue. Oh, *how exciting!*

Hari ini, pagi-pagi lagi Farah sudah tiba di VOGS. *Last minute preparations!* Pada pukul 11 pagi nanti akan diadakan *full dress rehearsal* sebelum pertunjukan fesyen malam esok. Farah membawa koleksi kerongsang yang dipinjamkan



oleh Zereena bersamanya. Dia harus suai padan stail tudung dengan kerongsang-kerongsang itu hari ini juga kerana dia sudah kesuntukan masa.

Kini dia meneliti satu-persatu kerongsang di dalam kotak tersebut. Hatinya gembira. Setakat ini, tugasnya sebagai *stylist* berjalan dengan baik. Kerongsang-kerongsang milik Zereena itu dianggapnya sebagai bonus. Pasti kerongsang ini akan menyerlahkan lagi model-modelnya ketika mereka beraga di *runway* nanti! **GLAMOUROUS!**

Malangnya, Qiy tidak boleh hadir hari ini kerana terpaksa mengikut keluarganya menghadiri sebuah majlis kenduri kahwin. Farah mengeluh seketika. Hai, alangkah bagusnya jika Qiy boleh merakamkan detik-detik *full dress rehearsal* itu!

"*Never mind,*" kata Farah sambil meletakkan kerongsang-kerongsang itu kembali ke dalam kotaknya semula.

"Yang pastinya Cee Cee akan berbangga dengan Farah. *All thanks to Zee!*"





Di rumah Zereena ketika itu...

"Aaahhhhhhhhh!!!!"

Suara jeritan bergema di seluruh rumah yang besar itu. Bibik yang dari tadinya sedang mengemas segala pinggan mangkuk dari atas meja setelah keluarga Datuk Zaidi selesai bersarapan tadi, terkejut. Itu suara Datin Nirmala! Hampir sahaja dia terjatuhkan pinggan-pinggan yang sedang dipegangnya itu.

"Waduh, waduh! Ada apa lagi ini, sih? Dasar keluarga yang suka jerit-jerit! Aneh!" bebel bibik.

Lekas-lekas dia meletakkan pinggan-pinggan itu di atas meja semula. Terus dia keluar dari ruang makan dan terpinga-pinga sebentar. Jika tidak silap, jeritan yang baru didengarnya tadi datangnya dari bilik atas. Maka, tanpa berlengah, dia pun menaiki tangga dengan pantas. Manalah tahu jika berlakunya kecemasan. Nanti apa pula yang harus diberitahu kepada Datuk Zaidi jika dia buat tidak tahu sahaja?





Sampai sahaja di bilik utama rumah itu, dia mendapati Datin Nirmala sedang berjalan ke hulu ke hilir. Rupanya seperti tidak keruan. Resah gelisah! Seperti orang yang hilang akal.

"Datin? Ada apa ya? Bagaikan tidak senang bibik melihatnya."

"Hilang, bibik! Semuanya sudah hilang!" jawab Datin Nirmala sambil mundur-mandir.

"Astaghfirullahalazim! Apa yang hilang, datin?" soal bibik kehairanan.

"Koleksi kerongsang berlian saya! Semuanya sudah hilang!" jawab Datin Nirmala yang masih mencari-cari barangnya.

"Waduh, bagaimana boleh hilang, sih?" soal bibik sambil membantu mencari kerongsang-kerongsang tersebut.

"Pusing kepala bibik dibuatnya! Di mana datin meletakkannya?" soal bibik lagi.

"Bibik, kalau saya tahu tentu saya tidak mencarinya, bukan? Sudah! Tolong saya carikannya!" marah Datin Nirmala sambil mencekak pinggang.

Bibik akur. Buat seketika masing-masing menyibukkan diri dengan misi mencari





kerongsang-kerongsang berlian itu. Habis, seluruh bilik diselongkar. Tunggang terbalik jadinya. Namun, sebentuk kerongsang pun tidak dijumpai!

"Eh, bibik. Ada sesiapa tak yang masuk ke rumah kita semalam?" soal Datin Nirmala.

"Tiada, datin... Cuma..." bibik sedang berfikir.

"Hah? Cuma siapa? Hish, cepatlah beritahu saya, bibik!" Datin Nirmala kelihatan tidak sabar.

"Cuma kenalannya Miss Zereena saja. Kebetulan petang semalam mereka ada datang ke rumah," jelas bibik.

"Betul ke? Biar saya tanya Zee!" ujar Datin Nirmala lalu berjalan pantas.

Dari tadi lagi Zereena sedang mencuri dengar segala kekecohan dari luar pintu biliknya. Apabila mendengar tapak kaki Datin Nirmala menghala ke biliknya, dia terus berlari ke arah katil lalu menjunam ke atasnya. Cepat-cepat dia membuka majalah dan berpura-pura sedang membaca.





Tuk, tuk, tuk! Bunyi pintu bilik itu diketuk dengan kuat.

Seketika kemudian, pintu itu dibuka dan Datin Nirmala meluru masuk ke dalam. Wajahnya jelas kelihatan panik bercampur marah dan resah. Zereena buat-buat seperti hairan sungguhpun dia tahu apa yang sedang berlaku.

"Zee! Betul ke semalam kawan-kawan Zee ada datang ke rumah ni?" soal Datin Nirmala.

"Er... Yes, mommy. Tapi kenapa mommy?" Zereena sengaja kelihatan terpinga-pinga.

"Siapa mereka? Cakap!" Datin Nirmala semakin resah.

"Farah dan Baqiyah," jawab Zereena.

"Mereka ke sini untuk meminjam buku homework daripada Zee," tipu Zereena.

Buat seketika, reaksi wajah Datin Nirmala bertukar hairan. Setahu dia, Zereena memang tidak sukakan Farah dan Qiy. Kenapa kini tiba-tiba pula mereka datang ke rumah?
PELIK!





Ah, apa-apa sahalalah! Dia ada hal yang lebih penting untuk difikirkan! Seperti kehilangan kerongsang-kerongsang berliannya yang *precious*!

"Hah, pasti salah seorang daripada mereka yang mencuri koleksi kerongsang berlian mommy!"

"*What?*" Zereena buat-buat seperti tidak percaya.

"Ya! Cuba Zee fikir betul-betul. Ada tak sesiapa yang naik ke sini semalam?" soal Datin Nirmala lagi.

"Iyalah, mommy! Bila difikirkan balik, mungkin juga! *Coincidentally*, Farah ada naik ke sini semalam untuk pergi ke tandas!" Zereena cuba mereka-reka ceritanya sendiri.

"Hah, tak syak lagi! Pasti Farah la pencurinya! Mari kita pergi ke rumahnya sekarang! Mommy nak berjumpa dengan dia!"

"Tunggu dulu, mommy! Zee tahu di mana dia berada sekarang! Di sekolah!"

Dengan itu, Datin Nirmala dan Zereena bergegas turun ke bawah. Setelah itu, Datin





Nirmala mengarahkan agar Pak Meon membawa mereka berdua ke VOGS sekarang juga!

Hati Zereena begitu gembira. Sebaik sahaja kereta mewah itu meluncur laju menuju ke sekolahnya, Zereena tersenyum sinis.

'Kali ini habislah Farah! *Finished!*' bisik hati Zereena.



"Oh, wow, kesemuanya kelihatan so glamorous, Farah," Che Chantek memberi pujian.

"Pandai awak memilih aksesori untuk digayakan bersama selendang-selendang itu! *Well done!*"

Farah dan Che Chantek sedang menyaksikan model-model beraksi di atas pentas runway. Mendengar pujian daripada presiden fashion club itu, Farah tersenyum gembira.

"Thanks, Cee Cee. Actually, semuanya bukan milik saya. Ia milik..."

Ketika itulah pintu dewan dibuka kasar. Datin Nirmala dan Zereena berlari masuk ke dalam.





"Stop!" jerit Datin Nirmala lalu menunjuk jarinya ke arah model-model yang sedang beraga di atas pentas.

"Itu kerongsang berlian saya yang telah dicuri! Farah la si pencurinya!" ujar Datin Nirmala dengan tegas.

Semua yang berada di dalam dewan itu terkejut. Tumpuan mereka terus ke arah Farah. Terkedu Farah dibuatnya. Lidahnya kelu. Otaknya pula terus blank buat seketika. Apa yang dimaksudkan oleh ibu Zereena itu?

Ketika itu juga, Puan Wan Anita, guru penasihat VFC yang kebetulan berada di situ untuk memantau keadaan, tampil ke arah Datin Nirmala.

"Errr... Puan..." ujar Puan Wan Anita.

"Datin! Sila panggil saya, datin!" Datin Nirmala bersuara lantang lalu membuatkan guru penasihat itu tersentak.

"Baiklah, datin... Ada apa sebenarnya ni?" soal Puan Wan Anita.

"Pelajar cikgu ni, dia curi kerongsang-kerongsang berlian saya. Dari rumah saya!"





ujar Datin Nirmala sambil memandang tajam ke arah Farah.

"Bertenang ya, datin," Puan Wan Anita menenangkan Datin Nirmala sebelum mengalihkan perhatiannya kepada Farah.

"Farah, betul ke semua ni?" soal Puan Wan Anita.

"Be... Betul," jawab Farah.

Sekali lagi, dewan itu gempar. Tiba-tiba kecoh! Ini kes berat!

"Ta... Ta.. Tapi! Saya tak mencuri. Zereena yang pinjamkan kepada saya!" ujar Farah teragak-agap.

"Tengoklah tu! Sekarang dia hendak babitkan anak saya pula! *Unbelievable!*"

"Sabar dulu, datin! Zereena, betul ke kata-kata Farah tu? Awak ke yang meminjamkan semua kerongsang itu?" soal Puan Wan Anita kepada Zereena pula.

"Cikgu, saya langsung tidak terbabit dalam hal ini. Sedih saya kerana Farah menuduh saya begitu," jawab Zereena.





Ternganga Farah dibuatnya sebaik sahaja mendengar pengakuan palsu yang diluahkan oleh Zereena! Dia sangkakan Zereena benar-benar telah berubah. Rupa-rupanya lakonan semata!

"Ha, kan betul! Semuanya sudah terbukti! Sekarang biar saya telefon polis!" Datin Nirmala semakin marah.

"Tunggu dulu, datin. Jangan babitkan polis. Biar saya selidik dulu perkara ni. Saya akan pulangkan semula kerongsang-kerongsang berlian milik datin tu," pujuk Puan Wan Anita.

Dengan pantas, Puan Wan Anita mengarahkan agar Farah segera memulangkan semula kerongsang-kerongsang yang menjadi kontroversi itu. Setelah memastikan bahawa kesemua kerongsangnya cukup, Datin Nirmala menutup kotak tersebut. Dia begitu gembira kerana itu adalah koleksi kesayangannya.

"Baiklah! Saya beri cikgu masa dua hari sahaja untuk menyelidik perkara ini. Selepas itu, saya tetap akan membabitkan polis!" ujar Datin Nirmala dalam nada marah.





Selepas itu, dia dan Zereena beredar dari situ. Sebelum keluar dari dewan, Zereena sempat menoleh ke arah Farah. Hadiah sebuah senyuman sinis yang puas diberikan kepadanya. Farah hanya membalas dengan tenungan tajam. Dia sepatutnya sudah mengagak! *Zee will always be Zee!*

"Farah, saya terpaksa gantung awak daripada semua tugas sehinggalah perkara ini selesai," jelas Che Chantek sebelum beredar dari situ.

Farah tidak boleh melakukan apa-apa selain mengangguk. Dia sudah tidak tahan lagi. Hatinya remuk! Sebelum sesiapa dapat melihat air matanya mengalir, dia berlari keluar dari dewan itu.

'Bantu Farah, ya Allah!' bisik hatinya.



Lewat petang itu, Qiy menelefon Farah. Dia telah mendapat berita tentang perkara yang berlaku di dewan tadi daripada Tyra yang menjadi saksi drama di sekolah tadi.





Qiy

"Hello, assalamualaikum, Farah! Qiy baru dengar berita tu. *Are you okay?*"

"Walaikumussalam, Qiy. *No, I'm not okay.* Farah masih sedih lagi ni. *First time* dituduh sebagai pencuri!"



Farah



Qiy

"Emm... Qiy faham. Mama Farah tahu apa yang berlaku?"

"*Not at the moment.* Farah tak nak mama risau. *Anyway,* Farah ada beritahu Kak Hani. Dia nasihatkan agar Farah bawa bertenang dan jangan takut. Sebab Farah memang tak bersalah!"



Farah



Qiy

"Betul tu! Hish, geram betul Qiy dengan Zee tu! Senang saja dia nak tuduh-tuduh Farah!"

"Hmm... *What can I do?* *Anyway,* salah Farah juga... Sebab terlalu percayakan Zee! *I should have known!*"



Farah



Qiy

"Eh, janganlah Farah salahkan diri sendiri pula! *So,* apa akan jadi selepas ini?"

"Entahlah. Kalau pihak VFC tak dapat membuktikan Farah *innocent,* mungkin polis..."



Farah





Qiy

"Farah, stop! Jangan cakap begitu! Qiy boleh jadi saksi. Sebab Qiy pun ada di rumah Zee ketika itu..."

Qiy terdiam seketika selepas itu. Setelah beberapa saat menunggu, Farah menjadi panik seketika. Talian terputuskah?



Qiy

"Hello? Qiy?"

"Farah, I've got to call you back! Ada sesuatu yang harus Qiy lakukan dulu!"



Farah

"Ha??? Oh, okey... Bye..."



Farah

Belum sempat dia menghabiskan ayatnya, Qiy telah pun mematikan telefonnya. Farah berasa pelik. Apa pula perkara penting yang harus dilakukan oleh Qiy ketika ini?

Di rumah Qiy! Selepas meletakkan telefon, Qiy terus mengambil camcorder dari dalam laci mejanya. Setelah menghidupkannya, dia terus mencari rakaman sewaktu dia dan Farah berada di rumah Zereena tempoh hari.





"Hah, ini pun rakamannya!" Dia berkata pada dirinya lalu jarinya menekan butang **PLAY**.

Matanya fokus menonton rakaman tersebut. Dia benar-benar berharap agar dia telah merakamkan saat-saat di mana Zereena menyerahkan kotak yang berisi kerongsang-kerongsang berlian itu kepada Farah.

Alangkah gembiranya dia apabila harapan itu menjadi kenyataan! Bukan sahaja dia sempat merakamkan detik itu malah audionya juga sungguh jelas sekali! Setiap ayat yang keluar dari mulut Zereena dapat difahami! *Crystal clear!*

"Yes!" Qiy melonjak gembira.

Cepat-cepat dia mencapai telefon pintarnya semula dan terus mendail nombor Farah.



"Farah! You are not going to believe this!"

"Hello, Qiy."



"Hah? Eh, kenapa Qiy gembira sangat ni?"





Qiy

"Sebab Qiy dah jumpa bukti yang mampu membersihkan nama awak, Farah!"



Farah

"Hah? *Seriously?* Alhamdulillah!!! Tapi macam mana, Qiy?"



Qiy

"Macam mana lagi? Daripada *camcorder* yang berjasa ni la! Farah juga yang suruh Qiy merakamkan setiap detik hidup Farah sebagai *stylist!*"



Farah

"*Lucky, I did!*"



Qiy

"Okey, esok Qiy akan datang ke rumah Farah untuk tunjukkan bukti ni."

"*Right!* Selepas tu, kita kemukakan bukti ini kepada Puan Wan Anita dan Che Chantek. Harap-harap masih sempat lagi untuk Farah menggalas semula tugas sebagai *stylist* sebelum acara bermula!"



Farah

"Farah, *just keep your hopes up!* Qiy pasti semuanya akan baik! Insha-Allah!"



Qiy

"Baiklah, Qiy. *Thanks for everything! See you tomorrow!*"



Farah

"Okay, see you! Bye!"



Qiy





Farah tersenyum seorang diri tatkala mematikan telefon pintarnya. Kesuraman yang dirasainya tadi kini sudah hilang sepenuhnya.

Tanpa menunggu lebih lama, Farah terus menghidupkan laptopnya. Lantas dia membuka laman sosial yang menjadi penghubung komunikasi antara dia dan Kak Hani selama ini.

"Tolonglah *online* Kak Hani..." Farah berkata sendirian dengan penuh harapan.

Tatkala laman sosial itu terbuka, Farah sedikit hampa. Kak Hani tidak *online*. Namun, dengan penuh kesabaran, Farah terus menanti Kak Hani di hadapan laptop.

"Ya Allah... Terima kasih!" Sempat Farah memanjat kesyukurannya kepada Allah SWT.

"Pasti Kak Hani akan turut gembira apabila dengar berita ni!" kata Farah lagi.


Farah melihat skrin laptopnya semula. Kemudian, dia memandang jam di pergelangan tangannya pula. Tadi, Kak Hani kata dia akan *online* pada jam dua petang. Lagi 15 minit sahaja lagi. Farah perlu menunggu dengan penuh sabar.





"Alamak... Lama pula Kak Hani," keluh Farah yang dari tadi asyik menjeling jarum jam tangannya.

Tiba-tiba, nama Kak Hani menyala di skrin laptop. Farah kelihatan sungguh gembira. Sekarang dia akan memberitahu Kak Hani segala-galanya!





Bab 10
*Hijab Diva
Vogue!*

Farah bermundar mandir di dalam biliknya. Dia dilanda pelbagai perasaan. Gelisah, nervous, risau. Semuanya ada!

"Hish, mana Qiy, ni? Sepatutnya, dia dah sampai!" ujar Farah sambil meneliti jam di pergelangan tangannya.

Tatkala itu, pintu bilik diketuk. Cepat-cepat Farah pergi membukanya.



"Qiy! I'm so happy to see you!" kata Farah lalu memeluk rakannya itu.

"Maaflah, Qiy terlambat sikit sebab Qiy sakit perut tadi," ujar Qiy.

"Tak apa, Farah maafkan! Okey, sekarang tunjukkan rakaman tu!" jawab Farah dengan nada tidak sabar.

"Okey!" jawab Qiy lalu mengeluarkan camcorder dari dalam begnya.

Butang play ditekan lalu mereka berdua menyaksikan rakaman yang dibuat di rumah Zereena dari mula sehingga akhir. Setelah selesai, Farah tersenyum gembira.

"Alhamdulillah! Ini buktinya! Okey, mari kita tunjukkannya kepada Puan Wan Anita dan Che Chantek!" kata Farah.

Selepas itu, mereka berdua bergegas ke sekolah. Tiba di sana mereka mendapati Dewan Seri Tiara Delima sedang ditransformasikan dengan begitu indah sekali. Komitee-komitee yang dipertanggungjawabkan untuk bahagian dekorasi memang melakukan kerja yang sangat baik! Setanding majlis red carpet!





"Eh, Farah? Apa awak buat di sini? Bukankah semalam saya..." soal Che Chantek.

"Cee Cee, kami ada bukti!" ujar Farah lalu cepat-cepat menunjukkan pita rakaman itu.

Che Chantek menyaksikannya dengan wajah yang serius. Setelah itu, dia tersenyum.

"Alhamdulillah... Saya memang dapat rasakan awak tak bersalah, Farah," katanya.

"Mari kita tunjukkan kepada Puan Wan Anita, sekarang!" ujar Che Chantek.

Sekali lagi pita rakaman itu dimainkan. Kali ini untuk disaksikan oleh guru penasihat VFC itu pula.

"Bagus, Farah dan Baqiyah," kata Puan Wan Anita.

"Kita boleh gunakan ini sebagai bukti yang kamu tak bersalah," kata Puan Wan Anita sedikit lega.

"Terima kasih, cikgu! Jadi sekarang apa perlu saya buat?" soal Farah.

Puan Wan Anita tidak menjawab. Sebaliknya dia memandang ke arah Che Chantek untuk membuat keputusan.





"Farah, awak pulang dulu dan berehat," kata Che Chantek.

Mendengar kata-kata presiden *fashion club* itu, Farah berasa hampa. Sehingga Che Chantek menyambung ayatnya...

"Pastikan awak datang ke sini semula pada pukul lima petang nanti untuk gayakan model-model awak tu," sambung Che Chantek lagi.

"Maksudnya, saya diterima sebagai *stylist* semula?" soal Farah bagaikan tidak percaya dengan apa yang didengarnya.

"*You got that right,*" kata Che Chantek sambil tersenyum lebar.

"*Do your best tonight, okay?*" sambungnya lagi.

"Hah, baiklah! Mari saya hantar kamu berdua pulang. Kemudian, saya harus ke rumah Zereena untuk menerangkan segala-galanya," ujar Puan Wan Anita.





Puan Wan Anita tiba di rumah Datuk Zaidi. Ketika itu Datin Nirmala baru sahaja hendak keluar dari pintu rumahnya.

"Assalamualaikum, datin! Boleh saya bercakap dengan datin sekejap?" kata Puan Wan Anita sambil menghampirinya.

"Walaikumussalam! Oh, cikgu rupanya. Ya, ada apa?" kata Datin Nirmala.

"Saya rasa elok kita berbicara di dalam saja. Boleh saya bercakap dengan Zereena sekali," cadang Puan Wan Anita.

"Hmm, baiklah!" kata Datin Nirmala lalu masuk semula ke dalam rumahnya.

"Tapi jangan lama sangat, ya. Saya ada aerobic class ni!" ujar Datin Nirmala.

Setelah masuk ke dalam rumah itu, Puan Wan Anita dijemput duduk. Sementara itu, Datin Nirmala memanggil anaknya dari ruang tamu.

"Zee! Mari turun sekejap, sayang!" panggil Datin Nirmala.

Seketika kemudian, Zereena turun dengan wajahnya yang bertemppek dengan





mask. Dari tadi dia sedang mencantikkan dirinya untuk majlis malam nanti. Melihat Puan Wan Anita sedang duduk di ruang tamu, dia kaget. Bukan kerana dia sedang memakai mask, tetapi dia punya perasaan bahawa dia bakal menghadapi masalah. Hatinya terasa langsung tidak senang!

"Er... Yes, mommy? Ada apa?" soal Zereena.

"Mari duduk di sini! Cikgu Zee nak jumpa," ujar Datin Nirmala.

Dengan langkah yang perlahan, Zereena menuju ke ruang tamu. Tiba di ruang tamu, dia duduk di sofa mewah di situ.

"Hah, sekarang Zee pun dah ada di sini. Ini pasti sebab kes kecurian kerongsang berlian saya, bukan? Cikgu dah ada cukup bukti untuk buktikan kesalahan Farah?" ujar Datin Nirmala lagi dengan penuh keyakinan.

"Sebaliknya, datin!" jawab Puan Wan Anita sambil mengeluarkan camcorder yang dipinjam daripada Qiy.

"Saya rasa datin perlu saksikan rakaman ini."



Datin Nirmala tidak banyak soal lalu terus menyaksikan pita rakaman yang sedang dimainkan. Zereena tidak perlu melihatnya. Dia dapat mendengar segala perbualannya dengan Farah dari pita rakaman itu dengan sungguh jelas!

Wajah Datin Nirmala terus pucat. Dia memandang ke arah Zereena yang kini hanya tertunduk sahaja. Kelu lidahnya!

"Zee!" lantang suara Datin Nirmala kedengaran.

"Kamu yang lakukan semua ini rupanya! I'm so upset with you!" marah Datin Nirmala.

Zereena hanya diam seribu bahasa. Dia tidak mampu mempertahankan dirinya lagi.

"Tergamak kamu tipu tentang grandma! Sedangkan kamu tahu yang grandma dan grandpa sedang bercuti menaiki cruise mengelilingi dunia!"

"Errr... Betullah apa yang Zee maksudkan. Zee kata grandma tiada di sini kerana sedang belayar jauh. Bukannya sudah meninggal dunia," jawab Zereena cuba membela dirinya.





"Enough! Sekarang pergi masuk ke bilik kamu! You are grounded! Mommy akan selesaikan hal ini dengan cikgu kamu!" arah Datin Nirmala.

Zereena terus naik ke biliknya. Grounded? Alamak, bagaimana dia hendak menghadiri majlis malam ini?

"Hish!" dengusnya marah.

"Kenapa harus jadi begini?"



Pukul 7.55 malam...

Tok! Tok! Tok! Pintu bilik Zereena diketuk dan seketika kemudian pintu itu dibuka.

Datin Nirmala berdiri di situ. Dia telah siap berdandan dan minyak wangi mahalnya terbau di segenap ruang bilik Zereena. Semerbak dan kuat baunya! Zereena sedang duduk di mejanya sambil tekun mengulang kaji. Datin Nirmala rasa terharu melihat anaknya begitu rajin. Kemarahan yang dirasainya tadi sudah reda.





"Zee, mommy nak keluar dengan Datin Suraya. Nak sambut birthday party Datin Laila. You are still grounded. Jadi, ingat! Jangan nak keluar ke mana-mana!" Lembut sahaja tutur kata Datin Nirmala walaupun arahannya itu sungguh tegas.

"Yes, mommy," Zereena akur sebelum menumpukan semula perhatian kepada buku-bukunya.

Datin Nirmala beredar dari situ lalu menutup pintu bilik anaknya. Sebaik sahaja memastikan bahawa Datin Nirmala sudah tiada di rumah, Zereena bangun lalu lekas-lekas bersiap. Semuanya sudah dirancangnya dari tadi!

Setelah bersiap, dia berlari ke bawah untuk mendapatkan Pak Meon. Dia tidak mahu terlewat tiba di majlis itu!

Dalam perjalanan ke majlis tersebut, dia mengarahkan agar Pak Meon membuat dua stopover. Satu untuk menjemput Rihana dan satu lagi untuk Eilana. Ini juga telah pun dirancangan oleh mereka terdahulu. Barulah





The Na-Na Gals boleh masuk ke dalam dewan itu dengan penuh bergaya!

Setelah kedua-dua orang kawannya sudah berada di dalam kereta itu, Zereena pun menjelaskan apa yang telah berlaku pagi tadi. Rihana dan Eilana terus tergamam.

"Eh, Zee! Kalau begitu, awak tidak sepatutnya menghadiri majlis ini bukan?" ujar Rihana.

"*And why not? Awak tak nampak berapa undian yang saya terima dalam FB? 148 'like'! Undian yang terbanyak, tau! Pastilah saya yang akan menang nanti!*" ujar Zereena dengan sungguh angkuh.



Farah sedang sibuk di belakang pentas apabila Qiy, Yoona, Yuri dan Shanel datang untuk berjumpa dengannya.

"Hey, girls!" kata Farah sambil melihat ketiga-tiga HijabDiva di hadapannya.

"Wow, all of you look so gorgeous!" puji Farah.





"Eh, mestilah! Tengoklah siapa yang ajar kita!" jawab Shanel sambil bergaya ala-ala seorang model.

"Farah, kami ke sini untuk ucapkan *good luck* pada Farah! Nanti Qiy rakam semua *moment* ni di depan ya!" ujar Qiy dengan gembira.

"Ya! Haeng uneut binda! *Good luck, Farah!*" ujar Yoona dan Yuri pula serentak.

"*Thanks, girls!*" kata Farah, terharu.

"*Saya hargainya!*" sambung Farah lagi.

"Amboi, ucapkan *good luck* kepada Farah saja ke? *Bagaimana dengan saya?*" kata seseorang yang berada di belakang mereka.

Mereka semua menoleh ke arah orang itu. Tyra! Hampir mereka tidak mengenalinya. Dengan solekan yang tebal dan busana yang sungguh *glamorous*, dia kelihatan seperti seorang *supermodel* hijab yang sebenar! Memang memukau!

"*Wah, cantiknya!*" kata Shanel.

"*Neomu yeppeo! You are very pretty!*" kata Yoona.





"Areumdaun! *Beautiful!*" puji Yuri pula.

"Terima kasih! *I love it too! Anyway,* Tyra kena pergi dulu. *Good luck* dengan pertandingan HijabDiva Vogue. Harap-harap, salah seorang daripada kita akan memenangi gelaran tu!" ujar Tyra

Selepas itu, Tyra terus berlalu dari situ. Seketika kemudian, Shanel, Yoona, Yuri dan Qiy juga meminta diri. Tinggallah Farah seorang diri di situ. Dia menarik nafas sedalam mungkin. Hatinya agak berdebar-debar.

"Harap-harap semuanya akan berjalan dengan baik," kata Farah sendirian.

"*Now, on with the show!*"



"*Okay, girls,*" kata Zereena kepada Rihana dan Eilana di luar pintu dewan itu.

"*Are you ready? Na-Na Gals, let's go!*"

Mereka bertiga melangkah masuk ke dalam Dewan Seri Tiara Delima dengan diketuai oleh Zereena di hadapan manakala





Rihana dan Eilana pula di belakang. Aksi Diva! Gaya mereka dan rentak berjalan begitu *synchronized* sekali! Apa tidaknya? Berkali-kali mereka telah berlatih untuk *grand entrance* ini!

Beberapa orang **VOGUES** yang berada di situ memerhatikan mereka sambil berbisik.

"Yes! Keep walking girls. We've got their attention!" ujar Zereena.

Rihana dan Eilana hanya tersenyum. Seronok apabila semua orang memberikan sepenuh tumpuan kepada kumpulan mereka. Tapi semua itu berubah apabila mereka ternampak krew produksi **Missi Trendz** dan wartawan dari *Teen-in Vogue* di satu sudut!

"Wah, Elle nak pergi berkenalan dengan wartawan majalah tu la! Mungkin dia boleh berikan tips bagaimana bekerja dengan penerbit majalah yang terkemuka!" ujar Eilana lalu terus beredar.

"RiRi pula nak dekat-dekatkan diri dengan cameraman **Missi Trendz** tu. Mungkin dia akan *interview* RiRi! Ah, masuk TV la RiRi nanti! *Famous!*" kata Rihana pula.





Tanpa berlengah lagi, RiRi berlalu dari situ untuk meneruskan misinya. Tinggallah Zereena berjalan seorang diri!

"Oh, tak sabarnya Zee nak melihat wajah mereka nanti... Bila mereka umumkan Zee sebagai pemenang Pencarian HijabDiva Vogue!" kata Zereena.

"Betul tak, Gals?"

Tiada sahutan daripada Rihana atau pun Eilana.

"Gals?" Zereena mengulangnya sebelum menoleh ke belakang.

Terkejut Zereena apabila mendapati dia bercakap seorang diri. Rupa-rupanya, dia langsung tidak menyedari yang Rihana dan Eilana meninggalkannya tadi. Dia mencekak pinggang sambil matanya melilau di sekeliling dewan tersebut. Akhirnya, dia mengesan mereka. Eilana sedang mengendap wartawan Teen-in Vogue manakala Rihana pula sedang cuba menonjolkan dirinya di hadapan kamera!

"Aarrghhhh! Useless friends!" marah Zereena.





"Oh, well, whatever!"

Lantas, dia pun pergi ke arah salah sebuah kerusi yang tersedia lalu duduk di situ. Dia akan sabar menanti sehingga pertunjukan fesyen yang membosankan itu berakhir.

"Yes! Selesai sahaja pertunjukan fesyen itu, nama aku akan dipanggil sebagai pemenang Pencarian HijabDiva Vogue!" Zereena berkata dengan sungguh yakin.



Malam Hijab Vogue ternyata memang mengagumkan sehinggakan Rizal Berahim dan Rizuan Radzi turut terpukau melihat rekaan-rekaan pakaian dan tudung yang dipersembahkan. Tak sangka semuanya terhasil daripada pereka-pereka yang masih muda remaja! Berbakat sungguh!

Sepanjang pertunjukan itu, Farah asyik tersenyum sahaja. Bagaikan tidak percaya bahawa sebahagian daripada gaya tudung yang





dipakai oleh model-model itu hasil daripada kreativitinya sendiri! **CANTIK!**

"Farah," katanya pada diri sendiri.

"*You've done a great job!*" katanya lagi.

Akhirnya, setelah pertunjukan fesyen itu tamat, tibalah acara kemuncaknya. Pengumuman pemenang untuk pertandingan Pencarian HijabDiva Vogue! Acara yang ditunggu-tunggu oleh semua orang.

"Baiklah..." kata Che Chantek selaku pengerusi majlis malam itu.

"Kini, saya akan umumkan pemenangnya. Gelaran Pencarian HijabDiva Vogue jatuh kepada..."

"*Get ready, Zee,*" kata Zereena sambil tersenyum lebar.

"*This is your time to shine!*" Zereena sudah pun bersiap sedia untuk mendengar namanya disebut.

"**FARAH FARIHAH!**" Che Chantek mengumumkan pemenangnya dengan sungguh jelas.

Farah tergamam seketika saat namanya disebut. Benarkah semua ini? Terasa bagaikan





dia sedang bermimpi pula. **ALHAMDULILLAH!** Bagaimana tidak percaya.

"*Farah, I'm so happy for you!*" kata Tyra yang turut berada bersamanya di belakang pentas sambil memeluk Farah.

"Pergilah! Mereka sedang menunggu awak tu!" ujar Tyra.

Dengan gembira dan perasaan yang kurang percaya, Farah tampil ke atas pentas untuk menerima anugerahnya. Sebuah tiara dikenakan pada tudungnya. Sash yang tertera tulisan **PENCARIAN HIJABDIVA VOGUE** turut diselempangkan pada tubuhnya. Farah menitiskan air mata. Oh, emosinya!

"No!" Zereena tiba-tiba bangun dan memberontak.

"No, no, no! Tiara itu kepunyaan Zee!" lantang Zereena berkata.

Namun, tiada sesiapa pun yang mendengarnya. Suaranya ditenggelami oleh sorakan riuh yang diberikan kepada Farah! Enggan mengalah, Zereena mengambil keputusan untuk terus menuju ke arah pentas.





Baru sahaja dia hendak melangkah, seseorang menghalang laluan nya. Zereena tergamam. Puan Wan Anita!

"Zereena, kamu jangan malukan sekolah ini di depan tetamu-tetamu kita." Puan Wan Anita memberinya amaran.

"Tapi, cikgu! Ini tak adil!" bentak Zereena.

"Sepatutnya, saya yang menang! Saya mendapat undian yang paling banyak!" ujarnya lagi.

"Betul! Tetapi ada seseorang tinggalkan ini di atas meja saya tadi," kata Puan Wan Anita sambil menunjukkan sekeping kertas kepadanya. Kali ini Zereena tidak berdaya berkata apa-apa. Wajahnya pucat tatkala melihat kertas itu. Flyer untuk kempen Vote 4 The Na-Na Gals!

"Kamu menggunakan wang untuk mendapatkan undian," jelas Puan Wan Anita lagi.

"Ini adalah satu kesalahan yang besar. Oleh itu, saya terpaksa singkirkan kamu daripada pertandingan ini. Begitu juga





dengan Rihana dan Eilana. Dengan itu, Farah yang mendapat tempat kedua sebelum ini layak mendapat gelaran tersebut setelah kamu bertiga terkeluar. Faham!" Satu-persatu Puan Wan Anita berkata sehingga wajahnya tepat memandang wajah Zereena.

Zereena tidak menjawab. Sebaliknya, dia terus menuju ke arah pintu keluar dewan dalam keadaan yang marah.

"RiRi... Elle! *Let's get out of here!*" kata Zereena lalu menarik tangan kedua-dua orang rakannya itu.

Puan Wan Anita masih memerhatikan mereka bertiga sehingga mereka keluar dari dewan itu sambil menggeleng. Kemudian dia mengalihkan perhatiannya kepada Farah. Dia bersyukur kerana orang yang layak memenangi gelaran Pencarian HijabDiva Vogue sedang berdiri di atas pentas tersebut dengan penuh bergaya.

"Tahniah, Farah!" kata Qiy sambil memeluk rakan baiknya itu.

"*You deserve this!*" sambung Qiy lagi.

"Congrats, Farah!" ujar Shanel pula.





"Chuka hamnida! Congratulations!"
kata Yoona dan Yuri serentak.

"Thanks girls," jawab Farah, terharu.

"Farah masih tak percaya. Apa-apa pun,
ini berkat usaha!" Farah tersenyum lebar.



"Hish, tak habis-habis anak kita tu buat
hal! *And I have to settle all her problem!*" kata
Datuk Zaidi dengan marah.

"Bersabar la... Saya dah selesaikannya..."
pujuk Datin Nirmala.

Zereena mendengar semua ini dari pintu
biliknya yang terbuka. Kemudian, dia masuk ke
dalam lalu menutup pintu itu perlahan-lahan
lantas terus merebahkan dirinya di atas katil.

"Heeeesh, geramnya!" dengus Zereena.

"Siapalah agaknya yang menghantar
flyer aku pada Puan Wan Anita? Kalau aku
dapatlah dia..."

Ketika itu juga dia mendapati bahawa
ada seseorang menghantar e-mail kepadanya.





Zereena terus memandangi laptopnya yang sedang terpasang...

To : QueenZee@yeeha.com
From : Anonymousme@hootmail.com
Subject :

Hi Zee,


Mission failed? Janganlah bersedih. Don't give up! Cuba lagi, okey? Anyway, you did your best and I'm proud of you!

"Eh, siapa pula yang hantar ni?" kata Zereena dengan hairan.

"Tak kenal pun address e-mail ni! Oh, mungkin...."

Kebetulan, telefon pintarnya pula berdenyit dan berkelip. Lantas, jarinya klik tab tersebut. Apabila melihat siapa pengirimnya, dia tersenyum lebar.





Anonymous

Hi Zee! Apa khabar?

Good! So happy to hear from you?
Thanks for the email!



QueenZee



Anonymous

Email? What email? Eh, tak hantar apa-apa e-mail pun.

Zereena tergamam membaca ayat tersebut. Buat seketika dia terdiam.



Anonymous

Zee?

Oh, don't worry. It's nothing! Zee yang tersilap!



QueenZee

Hati Zereena kini mula berdebar-debar. Otaknya asyik memutarakan soalan yang sama. Siapakah yang menghantar e-mail tersebut?







Hijab Diva

Siapa kata orang yang berhijab tidak boleh bergaya? Tampil dengan imej muslimah bergaya menjadi trend gadis remaja masa kini. Farah juga tidak terkecuali untuk mencuba sesuatu yang baru. Kini dia tampil dengan keberanian berhijab dalam pelbagai gaya! Sekelip mata, dia menjadi tumpuan di sekolah hanya kerana gaya hijabnya yang cukup unik. Atas sokongan rakan-rakan, dia telah melibatkan diri dalam Malam Hijab Vogue sebagai head stylist! Namun, The Na-Na Gals begitu iri hati terhadap Farah yang sering menjadi tumpuan. Jadi, The Na-Na Gals telah merancang sesuatu untuk menggagalkan misi Farah. Apa pula yang mereka hendak lakukan kali ini ya? Jika anda ingin bergaya bersama Farah dan rakan-rakannya, jangan lupa ikuti kisah HijabDiva!



Sem. Malaysia RM12.90
Sabah + Sarawak RM13.90

ISBN: 978-967-403-242-5



9 789674 032425

Ana Muslim Sdn Bhd (842621-K)

(a subsidiary company of)

Blue-T Communications Sdn Bhd

12, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100, Kuala Lumpur.

Tel: 03-4106 9119 • Faks: 03-4106 6119

www.anamuslim.com.my



www.facebook.com/anamuslim.my

